



# **MANUAL GENDER RESPONSIVE AND PARTICIPATORY BUDGETING**



Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang

**Versi Bahasa Malaysia**



**MANUAL  
GENDER RESPONSIVE  
AND  
PARTICIPATORY  
BUDGETING**



**Versi Bahasa Malaysia**

## **OBJEKTIF MANUAL**

Manual ini adalah sebagai pendekatan ke arah bagaimana untuk melaksanakan *Gender Responsive and Participatory Budgeting* (GRPB) untuk bajet yang lebih efektif, adil dan menyeluruh dalam konteks tadbir urus baik dan kesaksamaan gender. Manual ini ditujukan khasnya bagi jabatan/agensi perkhidmatan awam dalam merancang dan melaksanakan GRPB bersama-sama dengan komuniti.

## **PENGHARGAAN**

Kami ingin merakamkan penghargaan terhadap sokongan berterusan daripada kerajaan negeri Pulau Pinang, Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Perbandaran Seberang Jaya (MPSP) kepada Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC). Projek *Gender Responsive and Participatory Budgeting* (GRPB) telah dimulakan pada tahun 2012 di bawah PWDC. Oleh itu, kami menghargai sumbangan ramai pegawai dan kakitangan dari pelbagai organisasi, termasuk wanita dan lelaki dalam komuniti tempatan, yang telah memainkan peranan yang penting dalam perlaksanaan GRPB di Pulau Pinang. Selain itu, kami ingin memberikan penghargaan khas kepada James Lochhead, Cecilia Ng, Aloyah Bakar, Henry Loh, Shariza Kamarudin dan Adrian Cheah untuk input berharga mereka dalam penghasilan Manual ini.

Diterbitan oleh

Neo Sentuhan Sdn Bhd

Blok 88-3-41, Kompleks Sri Wonder, Lintang Sungai Pinang, 10150 Pulau Pinang, Malaysia

ISBN 978-967-11100-x-x

for

PWDC Sdn Bhd (966791-W)

Level 47, KOMTAR, 10503 Pulau Pinang, Malaysia

T +604 261 2835; 261 5261 F +604 261 2839 E info@pwdc.org.my W www.pwdc.org.my

Hak Cipta © 2017 PWDC

Semua hak terpelihara. Tiada bahagian dari penerbitan ini boleh dikeluarkan atau disiarkan dalam apa jua bentuk atau apa jua cara, elektronik atau mekanikal, termasuk salinan foto, rakaman, atau sebarang sistem penyimpanan dan dapatan semula maklumat, tanpa kebenaran terlebih dahulu daripada pemegang hak cipta, kecuali cabutan singkat untuk tujuan-tujuan sah membuat ulasan atau petikan.

Reka Bentuk dan Tataletak oleh Adrian Cheah, Neo Sentuhan Sdn. Bhd., Pulau Pinang

Gambar-gambar oleh Adrian Cheah, Ismail Hashim, PWDC

Khidmat Pra-cetak oleh Eefar Lithographic Sdn. Bhd., Pulau Pinang

Dicetak oleh Delimax Sdn. Bhd., Pulau Pinang

# KANDUNGAN

---

Penghargaan	ii
Kandungan	iii
Prakata	v
Pengenalan kepada <i>Gender Responsive and Participatory Budgeting</i>	1

## BAHAGIAN SATU

Bagaimana melaksanakan <i>Gender Responsive and Participatory Budgeting</i> bersama Komuniti dan Merancang Kemudahan Awam	4
<b>LANGKAH 1</b> Perancangan awal	5
<b>LANGKAH 2</b> Mengenal pasti komuniti atau projek pembangunan yang spesifik	6
<b>LANGKAH 3</b> Memaklumkan dan berbincang dengan komuniti dan pihak berkepentingan lain	8
<b>LANGKAH 4</b> Pemetaan komuniti (supaya kita kenal siapa mereka)	10
<b>LANGKAH 5</b> Komuniti mengenal pasti dan meletakkan keutamaan keperluan mereka	13
<b>LANGKAH 6</b> Merancang respon	18
<b>LANGKAH 7</b> Pelaksanaan projek	20
<b>LANGKAH 8</b> Mengukur kejayaan melalui pemantauan dan penilaian berterusan	21

## BAHAGIAN DUA

Bagaimana menginstitusikan <i>Gender Responsive and Participatory Budgeting</i>	26
1. Mengintegrasikan GRPB dalam keseluruhan proses perancangan strategik dan bajet	28
2. Mewujudkan struktur dan mekanisme yang jelas	35
3. Mengiktiraf kepentingan data	38
4. Membina kapasiti, memupuk persefahaman	45
5. Mengintegrasikan GRPB dalam kitaran bajet	47

Lampiran Satu: Borang Soal Selidik  
Lampiran Dua: Jadual Kumpulan Tumpu Bincang  
Lampiran Tiga: Senarai Semak Kemudahan Mesra Gender untuk Perancangan dan Persekutuan Terbina

Glosari

Bacaan tambahan

Latar belakang PWDC

# Proses Partisipasi Rakyat Untuk Projek Menaiktaraf & Membaikehulih Pasar Lebuh Campbell, Georgetown

1 Balik! Terbaik!

2 Kompleks Tempat  
Bincang  
MAC 2015

3 Dialog Bersama  
Komuniti

4

Perancangan &  
Pelaksanaan Projek

2016

April 2015

JOM, jadi rakan kongsi  
projek ini!

Untuk pertanyaan hubungi:  
PWDC, Tingkat 47, KOMTAR,  
04-261 2835 / 5261  
[www.pwdc.org.my](http://www.pwdc.org.my)



## PRAKATA

---

**S**ejak dipilih oleh rakyat Pulau Pinang sebagai kerajaan Negeri pada tahun 2008, kami telah bekerja keras untuk mentakrif dan melaksanakan visi bagi Pulau Pinang yang memastikan bahawa semua orang di Pulau Pinang – wanita dan lelaki, kanak-kanak perempuan dan kanak-kanak lelaki, dari semua etnik, latar belakang, umur dan lokasi – terangkum (inklusif) dalam impian tersebut dan mendapat manfaat daripadanya.

Lapan tahun berlalu dan kita boleh mengatakan bahawa kita telah mencapai kemajuan besar. Pembentukan Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC) pada tahun 2012 adalah satu langkah penting yang telah membantu kita dalam mendekati ramai wanita dan lelaki di seluruh negeri ini. Kita berhasil menggerak dan melibatkan mereka dalam keputusan yang memberi impak kepada kehidupan mereka, dan pada masa yang sama memperluaskan peluang untuk membina kepimpinan dan kemahiran dalam kalangan ahli masyarakat.

*Gender Responsive and Participatory Budgeting* (GRPB) telah dan akan terus memainkan peranan utama dalam hal ini. Langkah ini merupakan usaha perintis awal dan kini telah menunjukkan kejayaan. GRPB adalah sebahagian daripada komitmen kita terhadap hak-hak asasi dan kesaksamaan, sebagai contoh, terhadap perjanjian antarabangsa seperti Konvensyen Mengenai Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Terhadap Wanita (CEDAW), salah satu daripada beberapa konvensyen Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) yang ditandatangani oleh Kerajaan Malaysia. Tetapi lebih daripada itu, di peringkat tempatan, GRPB telah menggalakkan perkongsian konstruktif yang erat antara kerajaan negeri, kedua-dua PBT di Pulau Pinang, serta wanita dan lelaki dari komuniti di seluruh negeri. Usaha ini berjaya menghubungkan pengguna dan pembekal perkhidmatan melalui perkongsian dan pembuatan keputusan bersama, termasuk bajet. Hasilnya, projek ini menjadi lebih responsif dan efektif demi rakyat setempat. Semua ini dihubungkan kembali kepada matlamat keseluruhan kita untuk menjadikan Pulau Pinang sebuah bandar antarabangsa dan pintar berdasarkan prinsip-prinsip tadbir urus yang baik.

Oleh itu, kita berbangga dengan pencapaian kita, lebih-lebih lagi dengan GRPB. Kita sangat gembira untuk berkongsi dan bertukar-tukar pengalaman GRPB di seluruh negara, rantau dan dunia. Pulau Pinang menjadi tuan rumah

Persidangan Serantau Asia 2014 yang bertajuk *Gender Responsive Budgeting: Narratives Transforming Institutions, Empowering Communities* (Naratif Bajet Responsif Gender: Transformasi Institusi, Memberdaya Komuniti), yang dihadiri kira-kira 300 perwakilan dari seluruh rantau/dunia. Pasukan GRPB, pegawai-pegawai kerajaan negeri dan kerajaan tempatan juga mengambil bahagian dalam pertukaran fikiran, sama ada melalui perkongsian pengalaman dalam mesyuarat dan persidangan, mengendali atau melawat komuniti lain yang terlibat dalam GRPB. Sebagai langkah penting seterusnya untuk GRPB di Pulau Pinang, kita komited terhadap Pelan Tindakan Strategik yang menggariskan langkah-langkah penginstitusian GRPB dalam kerajaan tempatan menjelang 2018.

Manual ini menjadi sebahagian daripada Pelan tersebut. Melalui Manual ini, pegawai-pegawai kerajaan dan pemimpin komuniti dan masyarakat awam boleh mengikuti setiap proses yang berkaitan untuk melaksanakan GRPB, baik di peringkat komuniti dan dalam struktur kerajaan tempatan. Manual ini merupakan sumbangan yang tepat pada masanya, konkret dan mudah-mudahan memberi inspirasi berterusan untuk mempromosi GRPB, sebagai sebahagian daripada usaha kita untuk mengubah Pulau Pinang menjadi progresif dan mesra rakyat. Selamat membaca! Dan selamat melaksanakan GRPB!

**YB Chow Kon Yeow**

*Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan  
Negeri Pulau Pinang untuk Kerajaan  
Tempatan, Pengurusan Lalu Lintas Dan  
Tebatan Banjir*

**YB Chong Eng**


*Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan  
Negeri Pulau Pinang untuk Belia  
& Sukan, Pembangunan Wanita,  
Keluarga & Komuniti,  
Pengerusi Perbadanan Pembangunan  
Wanita Pulau Pinang (PWDC) Sdn. Bhd.*

# **PENGENALAN KEPADA GENDER RESPONSIVE AND PARTICIPATORY BUDGETING**

## **KENAPA GENDER RESPONSIVE AND PARTICIPATORY BUDGETING?**

GRPB adalah aktiviti ‘menyeluruh kerajaan’ yang menghubungkan bersama masyarakat, agensi dan semua peringkat kerajaan. ia merapatkan jurang antara pengguna dan penyedia perkhidmatan. GRPB sememangnya memenuhi prinsip tadbir urus yang baik, dan kesaksamaan gender, serta merupakan usaha untuk mencapai dasar dan bajet yang paling berkesan, cekap, adil.

GRPB membantu kita untuk mengenal pasti perbezaan ketara keperluan setiap kelompok yang berbeza. Ini termasuk perbezaan antara keperluan lelaki dan wanita, kanak-kanak lelaki dan perempuan. Di samping itu terdapat juga kumpulan lelaki dan wanita, kanak-kanak lelaki dan perempuan yang berbeza. GRPB mengambil pertimbangan menyeluruh perbezaan keadaan, pengalaman, keperluan, sumbangan dan potensi kumpulan-kumpulan yang berbeza. Melalui amalan ini, GRPB mengiktiraf keperluan kepada perkhidmatan dan pendekatan yang berbeza oleh orang berbeza dalam mengguna dan mendapat manfaat daripada perkhidmatan yang sedia ada. GRPB meningkatkan pemahaman kita mengenai siapa yang memerlukan sokongan, di mana dan bagaimana.



*Pada tahun 2005 Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat memulakan projek perintis GRB, yang melibatkan lima Kementerian, disokong oleh Program Pembangunan Pertubuhan Bangsa-Bangsa (UNDP).*

*sejak 2014, telah menggalakkan penggunaan GRB, dengan yang terkini (Kementerian Kewangan: Pekeliling Perbendaharaan No.3 Tahun 2014, Perkara 21) telah mewajibkannya. Kini, lebih banyak sebab untuk membiasakan diri kita dengan konsep dan potensi perlaksanakan GRPB!*





*Kita tidak harus lupa bahawa bajet kita mewakili komitmen terhadap dasar dan memberikan makna substantif kepada diri. Ia adalah instrumen teras bagi kerajaan menyediakan perkhidmatan dan menggalakkan pertumbuhan dan pembangunan yang saksama.*

## **GRPB DI PULAU PINANG**

Pengalaman GRPB Pulau Pinang sangat menarik. Pada tahun 2012, Pulau Pinang menjadi negeri pertama di Malaysia untuk menerima pakai *Gender Responsive Budgeting* (GRB) sebagai sebahagian daripada program kerajaan tempatan. Pulau Pinang melaksanakannya melalui perkongsian pintar antara kerajaan Negeri Pulau Pinang, kedua-dua kerajaan tempatan iaitu Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Perbandaran Seberang Prai (MPSP) dan agensi perlaksana, Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC). Pada tahun 2014 program ini telah ditukar nama *Gender Responsive and Participatory Budgeting* (GRPB), mengambil kira kepentingan melibatkan masyarakat secara aktif dalam proses dasar dan bajet.

Terdapat pengalaman *Gender Responsive (Participatory) Budgeting* yang luas dari seluruh dunia, yang telah disesuai dan dilaksanakan di Pulau Pinang dan perlahan-lahan di seluruh Malaysia juga. Ini adalah dalam konteks mewujudkan *Outcome-Based Budgeting* (OBB) sebagai proses bajet yang standard untuk semua peringkat kerajaan di seluruh negara.

Berdasarkan pengalaman ini, kita kini pada kedudukan untuk mengenal pasti aspek dan manfaat GRPB yang berbeza. Kita boleh merangka pendekatan dan langkah-langkah yang terlibat dalam perancangan, reka bentuk dan perlaksanaan proses GRPB berasaskan komuniti dan projek-projek yang berkaitan dengan penyediaan kemudahan awam. Selain itu, kita juga boleh mengenal pasti langkah-langkah yang perlu jika kita ingin menginstitusikan amalan GRPB dengan jayanya.

Semua ini dijelaskan dalam Manual ini. Oleh kerana minat dan penggunaan GRPB berkembang di peringkat nasional dan global, semakin ramai yang ingin tahu bukan sahaja pendekatan GRPB tetapi ‘bagaimana’ melaksanakannya. Sudah tentu kita menyedari bahawa tidak ada satu rangka tindakan (*blue-print*) tunggal: terdapat banyak contoh projek dan inisiatif berbeza yang menggabungkan GRB dan *Participatory Budgeting* (PB) di seluruh dunia. Namun, ini merupakan sumbangan PWDC berdasarkan konteks dan pengalaman khusus kami. Kami berharap anda akan dapat manual ini bermanfaat.

## MANFAAT GRPB

- ✓ Membantu ke arah tadbir urus yang baik.
- ✓ Melibatkan semua pihak yang berkepentingan dalam perancangan dan penyampaian bajet.
- ✓ Responsif terhadap setiap orang yang memiliki keperluan berbeza.
- ✓ Menangani jurang gender.
- ✓ Membolehkan data menyokong dalam pembuatan dasar yang bersesuaian.
- ✓ Mengukuhkan hubungan antara ekonomi dan outcome dasar sosial.
- ✓ Menggalakkan keterbukaan dan ketelusan.

## YANG BUKAN GRPB

- ▷ Ia bukan sahaja untuk wanita.
- ▷ Ia tidak hanya prihatin terhadap kumpulan wanita dan pertubuhan wanita.

## ASASNYA

- ▷ GRPB prihatin terhadap semua, tanpa mengira siapa kita, apa latar belakang dan lokasi kita.



**GRPB menggalakkan tadbir urus yang baik, mengiktiraf kepelbagaian dan mendukung prinsip keterangkuman (inklusif), keadilan sosial, ketelusan, kebertanggungjawaban, kecekapan dan responsif...**



# **BAHAGIAN SATU**

## **BAGAIMANA MELAKSANAKAN *GENDER RESPONSIVE AND PARTICIPATORY BUDGETING* BERSAMA KOMUNITI DAN MERANCANG KEMUDAHAN AWAM**

### **LANGKAH 1: PERANCANGAN AWAL**

Sebelum kita benar-benar melaksanakan projek GRPB, ada beberapa perkara penting yang perlu difikirkan.

#### **► OBJEKTIF DAN INTEGRASIKAN DENGAN MATLAMAT DASAR KESELURUHAN**

Sangat penting untuk kita tahu objektif projek kita. Adakah program ini sekali sahaja (*one-off*) atau adakah ia sepadan dengan keseluruhan dasar, perancangan dan strategi bajet kita? Apakah hasil yang kita mahu capai? Adakah ia respon terhadap keperluan rakyat? Adakah ia saksama daripada segi gender?

#### **► STRUKTUR DAN PEMILIKAN (OWNERSHIP)**

Siapa yang akan bertanggungjawab dengan penyampaian dan tindakan susulan? Siapakah pihak-pihak yang terlibat dan bertanggungjawab?

#### **► SUMBER BAJET**

Berapakah banyak peruntukan wang kita? Di mana ia datang? Adakah ia sebahagian daripada bajet keseluruhan kita atau adakah ia satu ‘bajet tambahan’? Jika ia adalah satu ‘bajet tambahan’, daripada manakah datang bajet tersebut, dan adakah ia mencukupi?

#### **► SUMBER MANUSIA**

Siapakah yang akan melaksanakan projek ini? Adakah mereka mengikuti latihan yang diperlukan dan memahami apa yang diperlu dan dijangkakan? Adakah kita mempunyai cukup kakitangan yang terlatih dalam organisasi kita yang bersedia untuk memulakan inisiatif GRPB? Siapakah rakan kongsi (komuniti/tempatan) kita? Bagaimana mereka akan terlibat dalam proses bajet?

#### **► JANGKAAN / EKSPEKTASI**

Apakah ekspektasi kita terhadap inisiatif GRPB? Adakah ia realistik? Apa yang kita fikir akan menjadi harapan dari rakan-rakan komuniti? Adakah

kita jelas bagaimana kita akan menyuarakan eksperian dan dapat mencapai harapan anggota komuniti dan pihak berkepentingan lain?

Kepentingan mempunyai aliran ketelusan yang jelas sebenarnya memberitahu kita betapa pentingnya untuk menginstitusikan GRPB. Bagi maklumat lanjut mengenai ini, bahagian yang penting dalam GRPB, lihat Bahagian 2 Manual ini.

## **Kejelasan (*Clarity*)**

- **Adakah GRPB serta objektif dan prosesnya jelas kepada semua orang, terutama mereka yang akan terlibat secara langsung?**

Bagi melaksanakan sebarang inisiatif GRPB, kita perlukan kakitangan sendiri dan pemimpin komuniti memahami proses dan objektifnya. Ini adalah sebahagian daripada proses penginstitusian. Buat sementara kita mungkin melibatkan bantuan rakan kongsi luar dengan kemahiran yang sesuai serta komitmen terhadap GRPB. Pasukan GRPB di PWDC adalah satu contohnya.

## **LANGKAH 2: MENGENAL PASTI KOMUNITI ATAU PROJEK PEMBANGUNAN YANG SPESIFIK**

Cadangan program GRPB kita mungkin dalam komuniti tertentu (contohnya, kawasan flat kos rendah, kampung, kawasan perumahan, atau komuniti estet). Selain itu, kita boleh merancang untuk menggunakan GRPB bagi membantu mereka bentuk atau menaik taraf kemudahan awam (contohnya, taman permainan, pasar, tempat letak kereta, atau dewan orang ramai). Atau kita boleh menggunakan GRPB untuk memastikan perkhidmatan kita lebih inklusif dan mencapai keseimbangan gender. Apa pun, kita berhadapan dengan pilihan di mana untuk meletakkan inisiatif GRPB.



*Perbincangan berhubung lokasi perlu melibatkan semua jabatan dan pegawai yang berkaitan.*

Dalam proses mengenal pasti projek, pertimbangan yang teliti perlu diberikan kepada peluang dan cabaran yang berkaitan dengan apa sahaja projek yang dibincangkan. Kriteria pemilihan termasuk keselarian dengan keutamaan, membantu kita respon kepada permintaan dan keperluan yang tidak dipenuhi, membantu kita membina atau perkongsian pengaruh (*leverage*), dan memberi komitmen menyeluruh untuk GRPB.



*Lawatan tapak merupakan perkara penting dalam memilih lokasi atau projek.*

*Dalam mengenal pasti projek kemudahan awam, kita akan mempertimbangkan bagaimana perancangan, reka bentuk dan perlaksanaan kemudahan awam boleh menjadi lebih responsif kepada keperluan yang berbeza dari kelompok yang berlainan, melalui penglibatan pengguna dalam perancangan dan maklum balas. Kita berusaha untuk memastikan semua kemudahan awam adalah mesra keluarga dan gender.*



## Amalan Baik

- ✓ **Kualiti bukan kuantiti: Lebih baik memilih untuk lakukan satu dengan baik daripada lima dengan teruk.**
- ✓ **Kita tahu proses ini akan mengambil masa: tidak perlu tergesa-gesa.**
- ✓ **Memilih lokasi yang boleh diakses, iaitu yang sedia di bawah bidang kuasa negeri atau kerajaan tempatan kita.**
- ✓ **Bersedia untuk mengenal pasti rakan sejawat atau rakan kongsi tempatan yang lain.**
- ✓ **Kita yakin ada anggota dari kalangan kakitangan kita dan di peringkat komuniti yang memahami GRPB dan penglibatan mereka dalam proses berkaitan.**

- ✓ Kita memberikan latihan dan pembangunan kapasiti untuk semua pihak yang terlibat.
- ✓ Kita mendapatkan data sedia ada – contohnya kaji selidik terdahulu, data bincian, kertas penyelidikan berkaitan dan maklum balas daripada kumpulan tempatan.
- ✓ Kadang-kala ia berdasarkan permintaan komuniti itu sendiri, yang mana sangat mengujakan.

## Apa Yang Perlu Dielakkan

---

- ▷ Cuba laksanakan terlalu banyak – melibatkan terlalu banyak komuniti atau projek pada satu masa.
- ▷ Masih *top-down* – komuniti tempatan tidak rasa dilibatkan.
- ▷ Kita tidak mempunyai kakitangan yang memahami proses terlibat dalam GRPB – sangat penting untuk melibatkan komuniti.
- ▷ Kita mengabaikan keperluan untuk melatih kemahiran kepada kakitangan yang terlibat.
- ▷ Kita tidak memberi perhatian kepada mereka yang berkemahiran mengenai GRPB dari komuniti mengenai segi GRPB dan matlamatnya. Akibatnya, tidak ada (kumpulan) dalam komuniti tempatan memahami atau bertanggungjawab mengenai usaha tersebut.

## Jangan Lupa

---

Kita mempunyai alat-alat (*tools*) yang baik untuk membantu mengenal pasti projek dan proses yang berpotensi. Lihat Seksyen selepas ini mengenai perancangan dan senarai semak gender.

## LANGKAH 3: MEMAKLUMKAN DAN BERBINCANG DENGAN KOMUNITI DAN PIHAK BERKEPENTINGAN LAIN

---

Setelah kita telah mengenalpasti projek untuk inisiatif GRPB, kita perlu memaklumkan komuniti mengenai matlamat kita, rancangan dan ekspektasi terhadap mereka. Jika inisiatif GRPB itu melibatkan komuniti yang lebih luas, kita boleh mengadakan mesyuarat terbuka bersama komuniti, dibantu oleh rakan kongsi di komuniti. Jika inisiatif GRPB tersebut mengenai kemudahan awam, maka kita perlu menjemput pengguna dan pihak berkepentingan lain yang menggunakan kemudahan itu untuk bersama kita dalam mesyuarat yang diadakan.

GRPB sangat mementingkan penyertaan dan komuniti. Bagi memastikan komuniti dilibatkan, kita perlu berkongsi dengan komuniti seawal mungkin tentang perancangan kita dan bentuk kerjasama yang kita perlukan daripada mereka. Dalam mesyuarat awal bersama komuniti, kita akan menggariskan rancangan dan ekspektasi kita terhadap mereka di mana penglibatan mereka adalah diharapkan dalam setiap langkah / proses yang dilakukan seperti: pemetaan komuniti, menyenaraikan keperluan mengikut keutamaan, membantu merancang respon dan membantu memantau kejayaan. Kita perlu menekankan bahawa kita memerlukan sumbangan dan penglibatan semua pihak dalam komuniti atau di kalangan pihak yang berkepentingan, termasuk wanita, belia, warga tua, orang kurang upaya dan sebagainya.



*Adalah penting untuk mendapatkan penglibatan komuniti daripada peringkat yang paling awal lagi. Pastinya pengalaman ini sangat berharga sekiranya komuniti terus bersama kita dalam langkah yang seterusnya iaitu untuk reka pemetaan komuniti! Ia akan menjadi lambing kepada jalinan perkongsian mereka pada sepanjang projek. Ini adalah asas untuk kejayaan perlaksanaan GRPB.*

## Amalan Baik

- ✓ Jelas mengenai matlamat dan proses.
- ✓ Jelas mengenai bajet dankekangan yang wujud.
- ✓ Jelas siapa yang bertanggungjawab ke atas tugas yang ditetapkan.
- ✓ Jangkamasa yang jelas.

## Apa Yang Perlu Dilakukan

- Kabur tentang matlamat dan proses
- Kabur mengenai bajet dankekangan yang ada
- Kabur tentang siapa yang bertanggungjawab ke atas tugas tertentu
- Tiada kebertanggungjawaban pada jangkamasa yang ditetapkan.

## **LANGKAH 4: PEMETAAN KOMUNITI (Supaya kita kenal siapa mereka)**

Bagi memastikan seramai mungkin penglibatan tempatan dan dari sebanyak mungkin kumpulan yang berbeza dalam komuniti, kita perlu jelas siapa yang tinggal dalam komuniti tersebut (atau, untuk projek kemudahan awam, siapakah pengguna dan benefisiari atau potensi benefisiari).

Terdapat pelbagai kaedah untuk melaksanakan pemetaan ini, ia bergantung kepada komuniti atau projek dan sumber yang kita ada. Berikut adalah contoh bagaimana kita boleh melaksanakannya.

### **► BANCIAN MENYELURUH**

Bancian dari rumah ke rumah untuk mengenal pasti nama, umur, pendidikan, pergerakan, pekerjaan, dan lain-lain maklumat mengenai semua ahli isi rumah. Di Pulau Pinang kita telah lakukannya di PPR Ampangan, PPR Sungai Pinang dan Kampung Sungai Chenaam. Kita boleh juga melibatkan komuniti tempatan dalam melakukan bancian ini.



### **► KAJI SELIDIK KEMUDAHAN PENGGUNA**

Kita boleh meninjau sampel dari pengguna yang berkaitan dengan latar belakang mereka dan bagaimana mereka menggunakan kemudahan berkenaan. Kita boleh melakukan ini jika kita menaiktarafkan pasar, atau kemudahan riadah, tempat letak kereta, menaik taraf kemudahan tandas, dan sebagainya. Di Pulau Pinang kami lakukan ini di Pasar Lebuh Campbell dan dalam projek di Taman Tunku Seberang Jaya. Lihat **Lampiran Satu** untuk soal selidik sebenar yang kami gunakan.



### **► MENGGUNAKAN INFORMAN UTAMA**

Kita boleh bekerjasama dengan pemimpin tempatan dan pihak berkepentingan lain untuk mendapatkan maklumat mengenai komuniti dan apa yang boleh kita jangkakan.




# Soalan Semak

- S1. Jenis Pemetaan:** Apa kaedah yang kita pilih untuk laksanakan pemetaan komuniti: bancian penuh, kaji selidik sampel, informan utama? Adakah kita mempertimbangkan semua pilihan dan memilih kaedah yang paling sesuai?
- S2. Pemeta Komuniti:** Siapa yang kita pilih untuk melakukan pemetaan komuniti? Apakah latihan yang mereka perlukan? Siapa yang menganalisis data? Apakah latihan yang mereka perlukan? Bolehkah kita melibatkan orang dari komuniti atau pihak berkepentingan lain dalam pemetaan? Bagaimana kita melakukannya?
- S3. Memaklumkan Komuniti:** Bagaimana kita menyediakan komuniti untuk menjangkakan kajian? Adakah ini satu peluang yang baik untuk menjelaskan projek itu dengan lebih terperinci?
- S4. Kerahsian:** Adakah pemeta kita dan komuniti sedar bahawa maklumat yang dikumpul akan digunakan secara rahsia? Bagaimanakah kita menjamin perkara ini?

BORANG BANCIAN		Borang Kaji Selidik							
PROJEK BAJET RESPONSI PARTISIPATORI GENDER (GRPB) Banci Produkif Kangong Sungai Cheras, Siflong Terul		PAWDC ZAKAT							
MAKLUMAT ASAS WAKI / PENJAGA (KELUARGA)									
Rangkaian ini berkaitan dengan maklumat ketua keluarga yang berfungsi sebagai pengangguran / merupakan ahli-ahli isi rumah dan tinggal di kawasan tetap.									
(A) MAKLUMAT PERIBADI									
1. No KP/plang/	<input type="text"/>	<input type="text"/>	No KP/Langsang/	<input type="text"/>					
2. Nama Penuh									
3. Alamat									
4. Tel Rumah	<input type="text"/>		5. Tel Handphone	<input type="text"/>					
6. Tempat	<input type="text"/>		7. Lama merantau di Pulau Pinang	<input type="text"/>					
8. Bangku	<input type="text"/>		9. BZ Aduki	<input checked="" type="checkbox"/>	Percubaan	<input type="checkbox"/>			
10. Warganegara	<input checked="" type="checkbox"/> Malaysia	<input type="checkbox"/> Bukan Warganegara Malaysia							
(B) SUMBER PENDAPATAN									
1. Pekerjaan									
2. Sekir	<input checked="" type="checkbox"/> Kira-kira	<input type="checkbox"/> Awam	<input type="checkbox"/> Ambil / Bersejaya	<input type="checkbox"/> Tidak Bersejaya					
3. Jumlah Pendapatan (iti rumah)	<input type="text"/> RM	<input type="text"/> RM	5. Jumlah Pengeluaran	<input type="text"/> RM					
(D) MAKLUMAT BAIK									
Hibah syaratkan tiga (3) buah di kawasan anda yang melibatkan perkhidmatan Magma Perbandaran Seberang Perai (MPP), seperti Kebersihan, Keamanan, Jalan Raya, Pengurusan waduk-sungai, Kawalan Imej, Pengurusan Kehijauan, Kemudahan awam dan Penglibatan lembutan dalam kebersihan (keturut).									
1									
2									
3									

Contoh borang benci. Jika kita memilih untuk melakukan bancian, kita akan memerlukan borang benci dan pasukan untuk melaksanakannya. Kita boleh menggunakan penduduk di komuniti untuk melakukannya.

Yang penting di sini adalah isu kerahsiaan: sesiapa yang mengumpul data mesti diberitahu dengan jelas bahawa semua maklumat adalah sulit dan tidak boleh didedahkan.



*Contoh pecahan data yang kita boleh dapat daripada pemetaan yang dilakukan. Mengetahui siapa yang tinggal di kawasan itu, siapa pengguna, benefisiari atau bakal benefisiari yang mendapat manfaat daripada kemudahan. Data ini akan membolehkan kita merancang dengan lebih baik. Langkah seterusnya: bagaimana kita melibatkan seberapa ramai orang yang mungkin dalam proses mengenal pasti keutamaan dan membantu mencapai keperluan komuniti.*

Dengan melakukan pemetaan komuniti di tempat yang kita ingin mulakan projek GRPB, ataupun pemetaan atau kaji selidik ke atas benefisiari atau pengguna daripada projek kemudahan awam/perkhidmatan, akan membolehkan kita untuk mengenal pasti pelbagai jenis pengguna yang terlibat, keperluan mereka dan penggunaan yang berbeza ke atas kemudahan awam di kalangan masyarakat. Ia juga boleh membantu kita mengenal pasti potensi rakan kongsi dalam komuniti atau dalam kalangan pihak yang berkepentingan.

## Amalan Baik

- ✓ Komited untuk proses penglibatan komuniti, banyak menemubual pengguna secara individu dan berkumpulan.
- ✓ Dapatkan orang tempatan termasuk wanita, yang terlibat dalam proses pengumpulan data.
- ✓ Menghormati kerahsiaan dan memastikan pembantu penyelidik sedar sepenuhnya berkenaan hal ini.
- ✓ Perancangan yang teliti tentang data yang diperlukan daripada individu; tidak membuat soal selidik atau borang terlalu panjang.
- ✓ Komunikasi yang jelas kepada informan/responden tentang tujuan data dan kerahsiaan maklumat.
- ✓ Mengetahui sumber data lain sekiranya ada berkaitan dengan komuniti atau projek kawasan tersebut – contohnya seperti kaji selidik yang lalu, data bincian, maklum balas daripada kumpulan tempatan, mana-mana kertas penyelidikan yang berkaitan.

## Apa Yang Perlu Dilakukan

---

- ▶ Mudah hilang sabar kerana komuniti tempatan tidak responsif.
- ▶ Komuniti tempatan kurang memahami apa yang diharapkan daripada mereka.
- ▶ Komuniti tempatan menjangkakan segala-galanya perlu dilakukan untuk mereka; tidak melibatkan diri.
- ▶ Penglibatan tempatan hanya bergantung kepada seorang atau dua orang sahaja – tiada penglibatan luas.
- ▶ Tiada ketelusan, orang/komuniti berasa curiga.
- ▶ Politik tempatan memberi kesan kepada penglibatan dan menghalang kemajuan.
- ▶ Setiap orang memiliki harapan yang berbeza terhadap projek menyebabkan ketegangan atau kekecewaan.

## LANGKAH 5: KOMUNITI MENGENAL PASTI DAN MELETAKKAN KEUTAMAAN KEPERLUAN MEREKA

---

Ini adalah langkah yang paling utama dan penting dalam proses GRPB. Ia memberikan makna kepada seluruh ciri-ciri GRPB, iaitu untuk melibatkan wanita, lelaki dan kanak-kanak sebagaimana yang sesuai dalam mengenal pasti dan mencapai maksud “kelompok berlainan, keperluan berbeza”. Memastikan komuniti dapat mengenal pasti dan meletakkan keutamaan kepada keperluan sendiri adalah proses utama.

### 5-1. KUMPULAN TUMPU-BINCANG (KTB)

---

KTB adalah cara yang baik untuk memastikan orang yang berbeza diberi peluang untuk menyuarakan isu/keperluan utama mereka. Dengan mengadakan satu atau dua mesyuarat komuniti secara umum tidak akan dapat memberikan kita kenal pasti keperluan mereka/komuniti, kerana ramai yang malu bersuara dan akan kekal terpinggir dalam masyarakat. KTB yang kecil dan khusus akan membantu mengatasi hal ini.

Bergantung kepada keputusan pemetaan komuniti (Langkah 4) dan bentuk inisiatif GRPB, kita boleh mempertimbangkan untuk mengatur KTB yang berbeza untuk kumpulan umur yang berlainan, dan yang berasingan untuk wanita dan lelaki. Jadi, sebagai contoh pelbagai KTB boleh dilaksanakan seperti berikut:

- ▶ KTB berasingan untuk lelaki / wanita di bawah 18 tahun
- ▶ KTB berasingan untuk lelaki / wanita 19-30 tahun
- ▶ KTB berasingan untuk lelaki / wanita 31-60 tahun
- ▶ KTB berasingan untuk lelaki / wanita atas 60 tahun

Apa juga pendekatan yang kita pilih, kita perlu memastikan mereka yang kurang upaya dan kumpulan terpinggir turut dilibatkan. Cabarannya adalah untuk menjadi seinklusif mungkin dan memastikan persekitaran yang sesuai disediakan untuk menyuarakan idea dan pandangan secara bebas. (Lihat **Lampiran Dua** untuk jadual kumpulan fokus.)

### **CONTOH SOALAN-SOALAN YANG DIAJUKAN KEPADA KOMUNITI DALAM KTB:**

- ▶ Apakah isu-isu atau masalah yang anda alami?
- ▶ Kumpulan mana yang paling terjejas akibat masalah ini?
- ▶ Mengapa isu atau masalah berlaku?
- ▶ Bagaimana isu atau masalah ini dapat diselesaikan?
- ▶ Apakah proses yang anda boleh mencadangkan untuk penyelesaian?
- ▶ Siapa yang mendapat faedah daripada menyelesaikan isu atau masalah ini?

Maklum balas yang kita terima daripada proses ini sangat berharga dalam membantu kita mengenal pasti peringkat seterusnya. Kita boleh membuat keputusan untuk menangani isu-isu tertentu yang menjadi keperluan utama kepada semua kumpulan, atau menumpukan perhatian kepada satu atau dua yang diketengahkan oleh kumpulan-kumpulan tertentu. Ataupun, jika kita merancang langkah “undi penduduk” bagi cadangan-cadangan yang dikemukakan oleh komuniti dalam KTB.



*Proses dalam projek berdasarkan komuniti GRPB: Bancian (Langkah 4), KTB dan Mengundi (Langkah 5) yang membawa kepada ‘Penyelesaian’ (Langkah 6).*

Di samping itu, maklumat yang dikumpul dalam proses ini akan menjadi maklumat penting berkenaan keperluan komuniti. Kita boleh simpan maklumat ini dalam pangkalan data, dan menggunakannya untuk membantu bagi insiatif dasar dan bajet pada masa depan.

## **Amalan Baik**

- ✓ **Matlamat yang jelas mengenai keseluruhan projek/tentang apa yang kita minta untuk komuniti kenal pasti.**
- ✓ **Komunikasi yang baik dengan komuniti – bagaimana mereka boleh melibatkan diri secara inklusif.**
- ✓ **Memastikan orang ramai mempunyai ekspektasi hasil yang realistik.**
- ✓ **Represtasi pelbagai kumpulan dalam kumpulan tumpu-bincang.**
- ✓ **Maklum balas yang jelas kepada komuniti pada setiap langkah/keputusan.**
- ✓ **Menghubungkan inisiatif GRPB dengan sambutan/festival tempatan: gabungkan ‘kerja’ dengan aktiviti yang menyeronokkan.**

## **Apa Yang Perlu Dielakkan**

- ▷ Kita menganggap komuniti tahu apa yang berlaku, tetapi mereka mungkin tidak jelas.
- ▷ Penyertaan lemah dalam KTB kerana mobilisasi komuniti yang tidak memadai.
- ▷ Terdapat kumpulan berasa sukar bekerjasama jika isu-isu mereka diketepikan.
- ▷ Jangkaan yang tidak realistik membawa kepada kekecewaan.
- ▷ Ketidaktentuan apa yang berlaku kepada cadangan/maklum balas.

## **5-2. UNDI**

Undi penduduk/komuniti adalah salah satu cara untuk membolehkan penduduk tempatan atau pihak yang berkepentingan mengenal pasti keutamaan mereka sendiri. Ia telah berjaya digunakan sebagai sebahagian daripada beberapa projek GRPB di Pulau Pinang. Sebagai contoh, hasil daripada satu siri KTB, tujuh isu utama telah dikenal pasti oleh komuniti. Ia dijadikan senarai undi untuk dipilih oleh komuniti. Semua penduduk termasuk yang berumur 10 dan ke atas diberi RM500 (dibahagikan kepada 5 x wang kertas RM100) yang mereka boleh masukkan dalam kotak yang mereka pilih. Undi dijalankan selama tiga hari; terdapat karnival dan acara-acara lain. Peratus penduduk keluar mengundi

adalah melebihi 65%. ‘Keputusan’ akhir undi diumumkan kepada komuniti. Persatuan Penduduk tempatan kemudian melakukan susulan melalui perbincangan dengan kakitangan kerajaan tempatan yang berkaitan mengenai perlaksanaan keutamaan yang terpilih (Langkah 6).

## Proses Mengundi

### 1. Pendaftaran



### 2. Wang undi



### 3. Topik untuk diundi



### 4. Pembuatan keputusan



### 5. Pengundian



### 6. Keputusan undian

PR Amangan	Tentukan BELANJAWAN		
	Jumlah Unti Hari 1	Jumlah Unti Hari 2	Jumlah Unti Hari 3
Praman Rekreasi	Rm25.00 + Rm10.00 +	=	=
Kebersihan	Rm25.00 + Rm 7.400 +	=	=
Tapak Perniagaan	Rm15.00 + Rm10.500 +	=	=
Kawalan Bangunan	Rm20.00 + Rm16.100 +	=	=
Mitpat Aktiviti	Rm5.00 + Rm 9.500 +	=	=
Kawalan Persekutuan	Rm5.00 + Rm 9.500 +	=	=
Pipang Keluar Masuk	Rm12.00 + Rm10.000 +	=	=



*Perayaan Hari Keluarga dan Perasmian Fasa 4 Perlaksanaan Projek GRPB di PPR Ampangan di Taman Bandar Seberang Jaya.*

## Soalan Semak

- S1. SiapayangTerlibat?** Siapakah rakan kongsikomuniti anda? Adakah semua kumpulan masyarakat terlibat? Adakah anda memaksimumkan peluang penyertaan komuniti atau pihak berkepentingan yang lain di semua peringkat proses tersebut?
- S2. Kejelasan Proses:** Adakah komuniti jelas dengan prosesnya? Bagaimanakah input mereka dalam KTB dimanfaatkan? Apakah peringkat seterusnya untuk membawa semua cadangan mereka dan mencari jalan untuk menyusun keutamaan keperluan komuniti?
- S3. Keseronokan:** Adakah kita memanfaatkan masa program keramaian di samping mengutamakan maklum balas komuniti? Sebagai contoh, mengadakan Karnival Hari Mengundi? Hari Keluarga? Atau sesuatu yang serupa?

## Ringkasan: Kemudahan Awam

- ▶ Tentukan maklum balas yang anda perlukan.
- ▶ Bentangkan cadangan kepada kumpulan yang terlibat.
- ▶ Himpunkan semua keutamaan dari setiap kumpulan dan KENAL PASTI / SENARAIKAN keutamaan daripada hasil perbincangan / KTB.
- ▶ Jika sesuai, anjurkan UNDIAN untuk keutamaan ini.
- ▶ Kongsi keputusan dalam mesyuarat terbuka!

## **Ringkasan: Tahap Komuniti**

- ▶ Tentukan KTB yang anda perlu
- ▶ Memudah cara melalui komuniti/rakan kongsi yang lain
- ▶ Himpunkan semua keutamaan dari setiap kumpulan dan KENAL PASTI / SENARAIKAN keutamaan – enam atau tujuh daripada KTB
- ▶ Jika sesuai, anjurkan UNDIAN untuk keutamaan ini
- ▶ Kongsi keputusan dalam mesyuarat terbuka!



**Pastikan penyertaan sama rata wanita dan lelaki adalah pra-syarat penting dalam membuat keputusan dan bajet yang efektif...**

## **LANGKAH 6: MERANCANG RESPON**

Sekarang kita telah mendapatkan keutamaan dari komuniti, peringkat seterusnya dan yang penting adalah untuk memilih respon kita untuk memenuhi keperluan komuniti. Apakah projek yang dapat kita pilih untuk dilaksanakan? Berapakah bajet kita? Apakah projek yang mendapat undian tertinggi penduduk? Adakah terdapat keutamaan lain yang boleh kita laksanakan?

Pada peringkat inilah persoalan peruntukan bajet muncul. Jika kita mengikuti Manual ini langkah demi langkah, kita tentu telah membincang dan memperuntukkan bajet untuk inisiatif GRPB, dan jumlah sertakekangan telah dijelaskan berulang kali kepada komuniti dan pihak berkepentingan yang lain. Oleh itu, kita sudah jelas tentang peruntukan bajet yang ada dan komuniti sedia maklum mengenai hal ini.

Oleh itu, berdasarkan keutamaan yang telah dikenal pasti daripada proses GRPB yang dijalankan bersama komuniti atau rakan kongsi lain, kita perlu berbincang dan mencadangkan respon yang terbaik memenuhi permintaan komuniti.

Keterbukaan dan maklumat (kewangan) dilakukan secara inklusif bersama komuniti sehingga tahap ini adalah penting supaya mereka – wanita dan lelaki dalam komuniti sedar akan batas peruntukan kewangan untuk ke peringkat

yang seterusnya. Mereka akan memahami kekangan bajet yang mungkin kita hadapi dalam menimbangkan implikasi kewangan sebenar bagi menangani isu berdasarkan keutamaan komuniti.

Kita sudah pastinya perlu mendapatkan kerjasama jabatan yang berkaitan. Apabila telah jelas tentang inisiatif yang boleh dilaksanakan berdasarkan sumber kewangan yang ada, kita perlu mendapatkan pegawai berkaitan untuk bekerjasama dengan komuniti dan pihak berkepentingan yang lain untuk mereka bentuk dan melaksanakan satu penyelesaian yang boleh diterima secara bersama.

Inilah tujuan keterbukaan dan inklusif daripada proses GRPB. Di samping itu, kita telah melaksanakan dengan cara yang paling positif komitmen kita terhadap ketelusan dan kebertanggungjawaban.

## Senarai Semak

- ▶ **Kakitangan kita jelas:** Jabatan dan pegawai yang terlibat jelas tentang konteks dalam memilih respon daripada komuniti – termasuk memenuhi jangkaan komuniti dalam memilih dan merangka penyelesaian yang baik.
- ▶ **Komuniti jelas:** Wakil komuniti atau kumpulan pengguna jelas tentang matlamat untuk bekerjasama dengan pegawai-pegawai yang terlibat bagi memilih dan melaksanakan penyelesaian yang terbaik. Sekali lagi memastikan ada wakil daripada kumpulan lelaki dan wanita dalam masyarakat.
- ▶ **Bajet dan jangkamasa jelas:** Semua orang jelas tentang had bajet dan jangkamasa yang ditetapkan.

## Amalan Baik

- ✓ **Pendekatan positif / mesyuarat susulan yang cepat yang melibatkan semua pihak berkepentingan.**
- ✓ **Bajet yang diperuntukkan telah jelas.**
- ✓ **Kakitangan diberi taklimat dan terlatih tentang matlamat yang ingin dicapai, boleh mengurus proses.**
- ✓ **Keterbukaan dan inklusif dalam mencari penyelesaian yang terbaik.**

## Apa Yang Perlu Dielakkan

- ▶ Susulan yang lambat, hilang momentum.
- ▶ Bajet tidak jelas = ketidakpastian apa sebenarnya yang boleh dilakukan.
- ▶ Kumpulan komuniti bersaing dengan cara tidak sihat = pecah-belah
- ▶ Kakitangan kerajaan tempatan tidak pasti proses, jadi hilang semangat.
- ▶ Komuniti masih ‘bergantung’ kepada kerajaan, menunggu semua perkara dilakukan untuk mereka.



**Jika kita memastikan penyertaan yang menyeluruh dari semua pihak dalam komuniti, maksud sebenar GRPB adalah untuk kita mencapai tadbir urus yang baik secara inklusif dan proses pembuatan dasar yang lebih telus...**

## LANGKAH 7: PELAKSANAAN PROJEK

Setelah mengenal pasti respon yang terbaik selepas menimbangkan implikasi kewangan, langkah seterusnya adalah melaksanakan respon tersebut dengan penglibatan penuh daripada komuniti atau pengguna kemudahan. Ini juga akan dapat membina hubungan baik sebagai rakan kongsi dengan kumpulan yang telah bekerja dalam komuniti tersebut atau antara kumpulan pengguna. Seringkali hubungan ini dilanjutkan kepada kumpulan dan pihak berkepentingan yang baru.

Berikut adalah contoh langkah perlaksanaan projek GRPB berdasarkan pengalaman GRPB di Pulau Pinang:



*Setelah mengundi untuk Taman Rekreasi baru sebagai keutamaan (langkah 1 hingga 5), komuniti bekerjasama dengan pegawai-pegawai Majlis untuk mereka bentuk taman permainan yang baru. Ini mengekalkan penglibatan komuniti, di samping memastikan ketelusan dan akauntabiliti, serta membantu komuniti memahami perancangan dan peruntukan bajet.*



Satu lagi projek, selepas melaksanakan Langkah 1 hingga 5, kebersihan di lokasi flat kos rendah telah dipilih oleh komuniti sebagai salah satu isu yang utama. Majlis melalui perbincangan dengan persatuan penduduk mewujudkan kontrak kebersihan – yang mengambil pekerja dari kalangan keluarga yang tinggal di komuniti tersebut dengan kesedaran terhadap keseimbangan gender dalam pengambilan kakitangan. Inisiatif yang inovatif dan pertama kali seumpamanya ini mewujudkan penglibatan langsung penduduk dalam ‘penyelesaian’, dan juga manfaat ekonomi kepada komuniti.



Pada Langkah 5, pengguna pasar awam memberikan maklum balas mereka tentang apa yang perlu disertakan dalam cadangan penaiktarafan pasar. Pada Langkah ini, pengguna mewakili jantina dan kumpulan umur yang berbeza, kini berbincang dengan arkitek bagaimana cadangan mereka boleh disepadukan dalam pelan baru.



Bagi projek yang melibatkan kemudahan awam, prosedur yang sama diperlukan: semua maklum balas pengguna/benefisiari/bakal benefisiari daripada projek di bawa dalam perlaksanaan reka bentuk / menaik taraf projek.

## LANGKAH 8: MENGUKUR KEJAYAAN MELALUI PEMANTAUAN DAN PENILAIAN BERTERUSAN

Pemantauan dan penilaian adalah bahagian penting dalam GRPB. Umumnya, semua *Outcome-Based Budgeting* mementingkan bahagian ini. Kita perlu tahu impak keputusan dan projek kita sebelum melakukan sebarang penambahbaikan bagi sesuatu projek. Ia juga merupakan satu usaha untuk menjana momentum berterusan untuk bekerja dengan komuniti lain dan dalam projek lain. Persoalannya adalah: adakah kita telah mencapai objektif berhubung dengan kesaksamaan gender dan keadilan sosial?

Dalam Bahagian 2, kita menyentuh mengenai betapa pentingnya data dan fakta bahawa GRPB memberi kita beberapa alat yang sangat baik untuk membantu menilai impak dan kejayaan. Bagi melaksanakannya dengan betul, data mengikut pecahan jantina dan prosedur pengumpulan data yang baik adalah penting.

Apabila kita telah memantau dan menilai inisiatif kita, kita perlu membawa keputusan tersebut kembali dalam kitaran bajet. Semua adalah proses yang berterusan.



*Dalam projek kos rendah yang dinyatakan sebelum ini berkenaan dengan perkongsian kebersihan antara penduduk tempatan dan majlis daripada hasil proses GRPB, kita perlu menjalankan kaji selidik dalam komuniti untuk mendapatkan maklum balas mengenai aturan baru dan mendapatkan sebarang cadangan penambahbaikan.*



*Bagi projek yang mengutamakan taman permainan baru, apabila kemudahan baru telah dibina, kita menjalankan kajian selidik susulan terhadap pengguna.*



*Kita boleh melanjutkan kefahaman kita melalui kajian mendalam, sebagai contoh, bagaimana wanita diberdayakan dalam projek itu.*

## **Amalan Baik**

- ✓ Mengintegrasikan alat data GRPB dalam pengumpulan dan analisis data.
- ✓ Melaksanakan proses penyertaan komuniti dalam pengumpulan data.
- ✓ Amalan dan penekanan yang jitu terhadap pengumpulan dan analisis data di peringkat organisasi / institusi.
- ✓ Data merujuk kepada keseluruhan matlamat strategik gender dan KPI berkaitan GRPB.
- ✓ Menggunakan pendekatan GRPB dalam mengenal pasti dan mencapai keperluan berbeza bagi menangani kesaksamaan gender dan keadilan sosial.

## **Apa Yang Perlu Dielakkan**

- ▷ Kurang penekanan dalam organisasi berhubung pengumpulan dan analisis data.
- ▷ Kurang mekanisme pemantauan; pemantauan tidak dilihat sebagai penting.
- ▷ Data dikumpul berakhir di atas rak; terbiar tanpa analisis.
- ▷ Kurang kefahaman mengenai kepentingan untuk membawa kembali ke kitaran seterusnya.
- ▷ Kurang kemahiran dalam mentafsir data.
- ▷ Tiada penggunaan strategik data dalam perancangan dan bajet.



**Bajet penting kerana ia memutuskan bagaimana kerajaan mendapat dan menggunakan sumber awam. Bajet digunakan untuk membentuk dasar, keutamaan dan memberi makna kepada keperluan rakyat dari segi ekonomi dan sosial...**

## RINGKASAN: BAGAIMANA MELAKSANAKAN GRPB BERSAMA KOMUNITI

Sekiranya kita ikut langkah-langkah pendekatan GRPB yang telah dibincangkan sebelum ini, kita sememangnya boleh melaksanakan GRPB dengan jayanya! Kita hanya perlu ingat bahawa pada setiap langkah memerlukan input dari kita, dan sebahagiannya adalah dengan memastikan bahawa kita faham prosesnya dan sumber-sumber yang diperlukan untuk melakukan GRPB dengan sebaik mungkin. Pada akhirnya, sekiranya GRPB diinstitusikan, kita mempunyai peluang yang besar untuk menjadikan GRPB sebagai matlamat strategik dan ia menjadi sebahagian daripada proses perancangan dan bajet bagi kerajaan yang mementingkan rakyat (*people-centered government*).



## RINGKASAN: BAGAIMANA MELAKSANAKAN GRPB UNTUK KEMUDAHAN AWAM





## BAHAGIAN DUA

# BAGAIMANA MENGINSTITUSIKAN *GENDER RESPONSIVE AND PARTICIPATORY BUDGETING*

## MENGAPA PERLU DIINSTANSIKAH?

Projek GRPB *one-off* adalah sangat baik, tetapi bagi menjadikan GRPB mampan untuk masa depan dan penting kepada proses dan *outcome* bajet, kita perlu menginstitusikannya. Bagaimana melakukannya?

- 1.** Kita perlu **mengintegrasikan** GRPB secara menyeluruh dalam perancangan strategik dan mengarusperdanakannya dalam proses *Outcome-Based Budgeting*.
- 2.** Sebagai kerajaan persekutuan, negeri atau tempatan, kita perlu **mewujudkan struktur dan mekanisme** yang jelas bagi membolehkan GRPB disokong dan inisiatif GRPB digerakkan di masa depan
- 3.** Kita perlu **memahami kepentingan data** ke atas keputusan dasar dan bajet kita, dan memahami bagaimana GRPB menawarkan beberapa alat yang akan membantu kita dalam menyampai dan menilai impak keputusan dasar dan bajet tersebut.
- 4.** Kita perlu **komited untuk membangunkan kapasiti** dalam organisasi kita supaya kakitangan dan orang lain mampu menyokong dan melaksanakan GRPB.
- 5.** Kita perlu **memahami perancangan dan kitaran tahunan bajet** serta berusaha untuk memastikan bahawa GRPB memberi sumbangan positif pada setiap peringkat kitaran itu.

## Mengapa Kita Perlu Lakukannya?

Bagi mengintegrasikan objektif dan perspektif gender serta penglibatan komuniti dalam perancangan dan kitaran bajet **untuk mencapai matlamat kesaksamaan gender dan keadilan sosial yang menyeluruh**.

## **1. MENGINTEGRASIKAN GRPB DALAM KESELURUHAN PROSES PERANCANGAN STRATEGIK DAN BAJET**

---

Kejayaan penginstitusian GRPB hanya akan berlaku jika GRPB dijadikan sebahagian daripada strategi utama termasuk proses perancangan dan bajet.

Hal ini tidak terlalu sukar. Kita sudah mempunyai misi dan visi yang mencerminkan objektif GRPB secara am. Kita telah mengadakan mesyuarat dan proses perancangan strategik, yang mana kita dengan mudahnya menyertakan matlamat dan analisis GRPB. Kita juga telah ada Petunjuk Prestasi Utama [*Key Performance Indicators (KPI)*] yang boleh disesuaikan atau diperluaskan kepada KPI yang mencerminkan matlamat dan pencapaian GRPB.

Khusus berkenaan bajet, salah satu sebab mengapa ia merupakan detik mengujakan untuk GRPB adalah kerana penggunaan proses *Outcome-Based Budgeting (OBB)* sebagai standard di seluruh negara yang menjadikan penyerapan GRPB agak mudah. Proses dan perbendaharaan kata kitaran OBB sangat mirip dengan GRPB. Ini telah diiktiraf dalam kedua-dua Pekeliling Perbendaharaan Persekutuan dan Negeri Pulau Pinang, yang menyokong kuat penggunaan GRPB dalam keseluruhan perancangan bajet di setiap peringkat kerajaan. Malah, Kerajaan Negeri telah mewajibkan kita untuk melaksanakannya.

Oleh itu, kita hanya perlu menggabungkan objektif dan aktiviti-aktiviti tertentu GRPB dalam keseluruhan perancangan strategik kita. Kita juga perlu menyertakan GRPB melalui perbincangan perancangan dan proses bajet.

### **Mengintegrasikan GRPB dalam Perancangan Strategik**

---

Terdapat banyak contoh bagaimana GRPB telah diintegrasikan dalam keseluruhan proses perancangan strategik sedia ada. Berikut adalah beberapa pendekatan yang boleh digunakan.

## Rajah 1: Langkah Perancangan Strategik OBB

Contoh di bawah adalah berdasarkan pembentangan di Bengkel “Perancangan Strategik untuk *Outcome Based Budgeting*” MBPP.




## Rajah 2: Proses Perancangan GRPB (Pilihan 1)

Kita boleh juga ‘cartakan’ rancangan GRPB dan peruntukan bajet dengan cara yang sama kita lakukan dalam sebarang perancangan dalam konteks OBB.

<b>Kenal Pasti Jurang Outcome</b>	<b>Tiada data pecahan jantina (<i>sex-disaggregated data</i>) dikumpul dan dianalisis secara sistematis berkaitan dengan pelesenan (penjaja dan peniaga pasar). Bermakna sukar untuk menilai impak dasar pelesenan terhadap matlamat gender.</b>
<b>Isu</b>	<b>Tiada dasar atau Pekeliling yang berkaitan daripada pihak berkuasa/Jabatan/atau Jawatankuasa Majlis, yang berkaitan dengan pengumpulan dan analisis data pecahan jantina yang sistematis.</b>
<b>Objektif</b>	<b>Merangka dan melaksanakan satu sistem untuk memastikan data pecahan jantina dikumpul dan dianalisis dengan baik di semua Jabatan.</b>
<b>Input dan Proses</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>▶ Mekanisme: Menghasilkan Pekeliling mengenai data pecahan jantina.</li> <li>▶ Sumber manusia: Pilih dan latih kakitangan tertentu dalam mengumpul dan analisis data pecahan jantina.</li> <li>▶ Menganjurkan bengkel untuk meluaskan kesedaran data pecahan jantina dalam kalangan kakitangan lain dalam organisasi.</li> <li>▶ Langkah-langkah: Pilih perisian yang paling sesuai untuk digunakan dalam merekod dan menganalisa data pecahan jantina.</li> <li>▶ Merancang dan melaksanakan program latihan untuk kakitangan.</li> </ul>
<b>Output</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>▶ Pekeliling mengenai data pecahan jantina dilaksanakan pada Januari 2017.</li> <li>▶ Latihan pertama untuk kakitangan terpilih pada September 2016.</li> <li>▶ Latihan diperluaskan untuk kakitangan lain diadakan pada Ogos 2016 dan Oktober 2016.</li> <li>▶ Perisian komputer dipilih dan digunakan sepenuhnya pada Januari 2017.</li> </ul>
<b>Unit Bertanggungjawab</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>▶ Hal Ehwal Korporat / Jabatan Penyelidikan.</li> <li>▶ Pelesenan.</li> <li>▶ Kewangan.</li> <li>▶ Jawatankuasa Gender dan / atau Gender Focal Point.</li> <li>▶ Semua jabatan komited untuk meningkatkan kesedaran dan penggunaan data pecahan jantina.</li> </ul>
<b>Peruntukan Bajet</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>▶ Sewajarnya.</li> </ul>

### Rajah 3: Proses Perancangan GRPB (Pilihan 2)


Ini adalah proses yang terkandung dalam bengkel perancangan MBPP, disesuaikan di sini untuk menaik taraf tapak gerai di Batu Ferringhi.



*...penggunaan **Outcome-Based Budgeting** sebagai standard menjadikan integrasi GRPB agak mudah...*

#### Rajah 4: Proses Perancangan GRPB (Pilihan 3)

Rajah berikut adalah berdasarkan kepada projek kebersihan di PPR Sungai Pinang dan penganugerahan kontrak pembersihan kepada persatuan penduduk di tempat tersebut.



Gambar rajah ini menekankan **kepentingan pemantauan berterusan** yang penting untuk memastikan rancangan dan bajet kita **dilaksanakan** dan digunakan dengan bijak dan berkesan. Ini adalah bertepatan dengan inisiatif GRPB secara khusus dan penilaian OBB secara umum. Kedua-duanya begitu berkait rapat.

## Memperluas GRPB

### Penyataan Misi

Kita semua memiliki penyataan misi (*mission statement*), yang menyatakan matlamat keseluruhan organisasi. Matlamat GRPB pastinya akan tersebar luas melalui penyataan ini, dan menginstitusikan GRPB secara automatik akan membantu mencapai Misi ini dengan cara yang sangat praktikal.

### Petunjuk Prestasi Utama

Petunjuk Prestasi Utama [*Key Performance Indicator (KPI)*] semakin kerap digunakan untuk menyatakan standard dan matlamat atas kita dan untuk memantau prestasi. Jadi untuk membantu memastikan GRPB diinstitusikan dalam organisasi, kita boleh meluaskan KPI kita untuk merangkumi isu dan sasaran GRPB.

Ini bermakna KPI kita akan mencerminkan komitmen organisasi untuk menggalakkan kesaksamaan gender di setiap peringkat dan dalam semua *outcome, output* dan aktiviti.

Jadi KPI kita boleh menggariskan standard prestasi yang berkaitan dengan meningkatkan kepelbagaian gender sebagai contoh, dalam pengambilan kakitangan, kenaikan pangkat, dan menghadiri latihan serta peluang kemahiran lain. Bagi kakitangan yang terlibat dalam aktiviti dengan masyarakat atau rakan kongsi luar, KPI juga boleh mencerminkan komitmen yang inklusif (gender), sebagaimana proses bajet penyertaan komuniti yang digariskan dalam **Bahagian 1 Manual** ini. Ia juga bergantung kepada kakitangan yang menjalankan tugas tersebut. KPI juga harus mencerminkan komitmen organisasi untuk mengumpul dan menganalisis data mengikut pecahan jantina, sebagai sebahagian daripada usaha pemantauan berterusan dan proses penilaian yang penting.

Selanjutnya, KPI harus juga merangkumi petunjuk untuk menilai bagaimana pegawai terbabit memastikan struktur dan mekanisme yang telah diwujudkan bagi menggerakkan GRPB ke hadapan agar menjadi lebih jitu dan menyeluruh. Ini akan memastikan ada kebertanggungjawaban yang jelas bagi meneruskan komitmen kita terhadap kesaksamaan gender.

Kita juga ada inisiatif lain untuk mengaitkan kepentingan / melengkapkan GRPB.

## **LA21**

Ramai antara kita ada satu jawatankuasa LA21 atau sesuatu yang seakan serupa. LA21 mewajibkan kita sebagai kerajaan tempatan untuk bekerja dengan masyarakat, dengan cara yang inklusif, mampan dan kreatif. GRPB berkongsi sangat banyak matlamat yang sama, dan sebahagiannya sangat berpadanan dengan usaha LA21.

### **Senarai Semak Kemudahan Mesra Gender Untuk Perancangan Dan Persekutuan Terbina**

Satu lagi alat yang berguna untuk kita adalah Senarai Semak Kemudahan Mesra Gender Untuk Perancangan dan Persekutuan Terbina. Sebahagiannya boleh kita gunakan dalam perancangan dan pemantauan berterusan. Ia juga disyorkan untuk digunakan dalam pembinaan bangunan dan kemudahan awam. Senarai semak ini memberikan kesedaran serta-merta mengenai perkara yang perlu dipertimbangkan dalam mengambil kira keperluan yang berbeza bagi wanita dan lelaki. Senarai semak penuh dibentangkan dalam **Lampiran Tiga**. Semakin kerap kita gunakan senarai semak ini sebagai amalan lazim, adalah lebih baik. Barulah GRPB akan benar-benar bersepadau dalam kerja kita.

## **Soalan Semak**

Berikut adalah beberapa soalan yang akan membantu mengekalkan tumpuan kita dan memastikan kita di landasan yang betul.

- S1. AKSES?** Adakah lelaki dan wanita mempunyai akses yang sama dalam projek ini? Adakah kumpulan-kumpulan lain, sebagai contoh orang kurang upaya, termasuk wanita, mempunyai akses dalam projek ini?
- S2. Penglibatan dalam Pembuatan Keputusan?** Adakah komuniti telah dilibatkan dengan baik dalam reka bentuk projek? Apa usaha yang dilakukan untuk menggalakkan penyertaan? Adakah golongan kurang vokal (seperti remaja, wanita, orang kurang upaya) dijemput dalam perbincangan dan adakah mereka mengambil bahagian? Apakah bentuk penyertaan mereka? Siapa yang telah diperkasakan? Bagaimanakah wanita diperkasakan?
- S3. Manfaat?** Siapa sebenarnya mendapat faedah daripada projek ini? Adakah terdapat kumpulan yang menerima manfaat lebih daripada kumpulan lain? Adakah ini sesuatu yang kita rancang? Adakah kita sedar akan impak projek ini terhadap wanita, lelaki, kanak-kanak perempuan dan lelaki,

orang tua dan orang kurang upaya? Adakah kita mempunyai data yang tepat untuk menilai manfaat projek ini dan membuat penilaian tahap keberkesanannya? Adakah inisiatif ini memberi kesan negatif terhadap mana-mana kumpulan dalam komuniti kita? Bolehkah kita kurangkan kesan negatif ini?

- S4. Kuasa and Kawalan?** Siapa yang mengawal keputusan dalam projek ini? Siapa yang berada dalam struktur pembuatan keputusan? Adakah kawalan ini membawa sebarang bias atau tanggapan? Apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk memastikan bahawa semua kumpulan diwakili dalam pembuatan keputusan dan keputusan tersebut mencerminkan kepelbagaian pengalaman dan keperluan dalam komuniti? Adakah wanita, terutamanya wanita miskin, mengambil bahagian secara aktif dalam keputusan dan tindakan yang memberi kesan kepada kehidupan mereka?

Seperti yang dapat dilihat dari contoh di atas, proses dan matlamat GRPB dipadankan dengan mudah dalam proses dan matlamat perancangan OBB. Ini menjadikan penginstitusian GRPB lebih mudah. Dengan menlaksanakannya akan memastikan matlamat GRPB secara automatik disepadukan dalam objektif dan strategi keseluruhan yang lebih umum. Malah, ia juga akan membantu kita menggabungkan semua prinsip-prinsip tadbir urus yang baik dalam amalan harian kita berkenaan perancangan dan bajet..


## **2. MEWUJUDKAN STRUKTUR DAN MEKANISME YANG JELAS**

Kita perlu mewujudkan struktur yang boleh menyampaikan keseluruhan strategi organisasi kita dengan baik. Jadi, jika kita mengintegrasikan GRPB dalam matlamat strategik keseluruhan, kita perlu juga mewujudkan struktur yang boleh menyokong dan melakukan advokasi GRPB sebagai sebahagian perancangan organisasi dan matlamat bajet. Tanpa struktur tersebut, GRPB tidak akan dapat dikekalkan.



**Ahli majlis dan pegawai kerajaan negeri perlu bersedia untuk membina pengetahuan dan keyakinan mereka dalam GRPB.**

Berikut adalah contoh struktur yang dibentuk dalam kerajaan tempatan di Pulau Pinang untuk mengambil pemilikan (*ownership*) dan memantau perkembangan GRPB dalam negeri.



Mewujudkan struktur yang betul akan membantu menyokong semua inisiatif yang diperlukan untuk menjadikan GRPB realiti bagi setiap seorang daripada kita.

Struktur ini akan memastikan akauntabiliti dan ketelusan dan akan membantu mencapai sasaran tadbir urus yang baik.



*Satu mesyuarat pegawai-pegawai majlis untuk membincangkan kertas cadangan GRPB.*

*Sekarang telah menjadi sebahagian daripada kerajaan tempatan.*

## Amalan Baik

- ✓ **Sokongan dari peringkat tertinggi memastikan matlamat tercapai.**
- ✓ **Komitmen dilihat melalui penyertaan aktif di semua peringkat.**
- ✓ **Ramai menjadi juara.**
- ✓ **Jelas manfaat yang diperolehi.**
- ✓ **Mempunyai asas komuniti yang kuat dan luas.**

## Apa Yang Perlu Dielakkan

- ▷ Kurang sokongan dari atas.
- ▷ Tiada matlamat kerana tiada pemilikan (*ownership*).
- ▷ Ahli jawatankuasa tidak minat / tiada komitmen sebenar.
- ▷ Tiada kefahaman mengenai struktur, tanggungjawab dan manfaat sebenar.
- ▷ Takut kerja tambahan.
- ▷ Faedah tidak terlihat atau dikongsi.
- ▷ Asas komuniti lemah.
- ▷ Terlalu bergantung kepada satu atau dua juara sahaja.

### **3. MENGIKTIRAF KEPENTINGAN DATA**

Data yang baik adalah sangat penting. Data yang baik, dipecahkan mengikut jantina dan petunjuk sosio-ekonomi yang lain, adalah asas kepada tadbir urus baik. Ia merupakan teras bagi perancangan dasar dan analisis kejayaan. **GRPB dengan tegas menyokong keperluan untuk data mengikut pecahan jantina yang baik.**

Pengumpulan data dan analisis yang baik akan membantu kita menilai kesan bajet terhadap keperluan yang berbeza bagi kumpulan yang berlainan termasuk jantina dan ia menjadi sebagai panduan kita dalam perancangan di peringkat kitaran bajet.

Kebanyakan persoalan yang dikemukakan sebelum ini mengambil kira proses GRPB dan perancangan OBB, oleh yang demikian pemantauan hanya boleh dilakukan sekiranya kita mempunyai data mengikut pecahan jantina yang baik.

Kita boleh menggunakan **sumber data sedia ada** seperti bancian, kaji selidik dan pelbagai sistem maklumat dalam organisasi kita. Kita perlu memastikan bahawa data tersebut boleh dicerakinkan mengikut pecahan jantina.

GRPB memberi kita alat-alat baharu, yang akan **meluaskan sumber pengumpulan data**. Ini termasuk:

- ▶ pengesanan perbelanjaan awam (*public expenditure tracking*);
- ▶ penilaian impak benefisiari (*beneficiary impact assessment*);
- ▶ analisis insiden manfaat (*benefit incidence analysis*); dan
- ▶ audit gender (*gender audit*).

Membiasakan diri kita dengan alat-alat ini akan membantu kita memahami:

- ▶ Peluang yang kita ada untuk melibatkan semua kumpulan pengguna dan orang ramai dalam menilai keperluan dan cara penyelesaian.
- ▶ Bagaimana dasar memberi impak pada orang yang berbeza dan kelompok yang berlainan.
- ▶ Sejauh mana keberkesanannya kita dalam membuat keputusan perancangan dan bajet.
- ▶ Bagaimana kita boleh menyesuaikan keputusan tersebut untuk menjadi lebih efektif dan berkesan.

Ini adalah penting untuk mengukur kejayaan atau sebaliknya terhadap outcome keseluruhan, demi masyarakat yang secara sosialnya adil, saksama, makmur dan aman.

## Peruntukan Bajet Mengikut Pecahan Gender

Menurut Diane Elson dan Rhonda Sharp (ahli pakar GRB), mana-mana bajet boleh dipecahkan kepada tiga komponen utama:

**1. Peruntukan bajet yang jelas berasaskan gender dan boleh dinilai secara langsung.**

Sebagai contoh:

- ▶ Program kesihatan wanita.
- ▶ Inisiatif pendidikan khas untuk remaja lelaki.
- ▶ Inisiatif dasar pekerjaan untuk wanita.

**2. Peruntukan bajet yang memberi kesan kepada wanita dan lelaki, tetapi perlu dicerakinkan untuk menilai impak secara relatif.**

Sebagai contoh:

- ▶ Latihan untuk pegawai perkeranian.
- ▶ Menulis semula huraihan bidang tugas kerja untuk mencerminkan prinsip peluang pekerjaan sama rata.
- ▶ Peruntukan kemudahan pusat jagaan.
- ▶ Peruntukan cuti penjagaan anak (*parental leave*).

**3. Peruntukan bajet yang bersifat umum dan tidak begitu mudah dianalisis dari segi impak gender.**

Sebagai contoh:

- ▶ Bajet kebersihan.
- ▶ Perbelanjaan lampu dan jalan raya.
- ▶ Penyelenggaraan Dewan Bandaraya.

Satu kelebihan untuk berfikir mengenai bajet dengan cara tersebut adalah kita akan mula memahami hubungan antara bajet dan impak (gender). Satu pengajaran penting GRPB ialah: bajet tidak bebas gender (*gender neutral*). Kita mungkin berfikir sebaliknya, tetapi sebaik sahaja kita mula mencerakinkannya, barulah jelas bahawa perbelanjaan tertentu memberi lebih manfaat kepada kumpulan tertentu berbanding kumpulan lain.

## ALAT-ALAT DATA GRPB, CONTOH 1

### Analisis Insiden Manfaat

Analisis Insiden Manfaat (*Benefit Incidence Analysis*) adalah alat GRPB, yang digunakan untuk menilai sejauh mana kumpulan masyarakat yang berlatar belakangkan sosio-ekonomi yang berbeza mendapat manfaat daripada perbelanjaan kerajaan atau subsidi. Ini adalah salah satu alat pengukur yang penting dalam GRPB, iaitu menilai kadar perbelanjaan yang berbeza yang dinikmati oleh wanita berbanding lelaki. Dengan menggunakan alat ini, ia akan membantu kita membuat penilaian ke atas usaha kita dalam mencapai matlamat strategik gender secara keseluruhan.

**Objektif Projek:** Menilai sama ada pengeluaran lesen penjaja memenuhi matlamat gender.

### Langkah projek

#### 1. Dapatkan data mengenai jumlah bilangan lesen penjaja yang dikeluarkan

Pusat Penjaja	Jumlah Pemegang Lesen (%)
Batu Lancang	209 (100)
Taman Tun Sardon	97 (100)
Bayan Baru	140 (100)
Medan Renong	52 (100)
Chowrasta	60 (100)

#### 2. Dapatkan pecahan jantina untuk keseluruhan data ini

Hawker Centre	Pemegang lesen lelaki (%)	Pemegang lesen wanita (%)	Jumlah Pemegang Lesen (%)
Batu Lancang	135 (65)	74 (35)	209 (100)
Taman Tun Sardon	66 (68)	31 (32)	97 (100)
Bayan Baru	84 (60)	56 (40)	140 (100)
Medan Renong	42 (81)	10 (19)	52 (100)
Chowrasta	46 (77)	14 (23)	60 (100)

Data ini sudah dapat memberi beberapa analisis dan perbincangan sama ada kita perlu menyesuaikan dasar kita mengenai bagaimana/kepada siapa kita harus keluarkan lesen demi kepentingan keadilan gender. Tetapi kita boleh lakukan analisis dengan lebih lanjut seperti berikut.

### 3. Dapatkan data perbelanjaan keseluruhan di pusat penjaja

Pusat Penjaja	Kos operasi (RM)	Kos operasi per pemegang lesen (RM)
Batu Lancang	16,412.98	78.53
Taman Tun Sardon	26,115.91	269.24
Bayan Baru	190,849.54	1363.21
Medan Renong	18,062.99	347.37
Chowrasta	19,643.65	327.39

### 4. Gabungkan data ini dengan data mengikut pecahan jantina bagi pemegang lesen (seperti di atas), dan analisis data ini untuk melihat sama ada keputusan bertepatan dengan matlamat gender.

Pusat Penjaja	Kos operasi (RM)	Kos operasi per pemegang lesen (RM)	Jumlah Pemegang Lesen (%)	Analisis Insiden Manfaat	
				Lelaki	Perempuan
Batu Lancang	16,412.98	78.53	209 (100)	10,601.55	5,811.22
Taman Tun Sardon	26,115.91	269.24	97 (100)	17,769.84	8,346.44
Bayan Baru	190,849.54	1363.21	140 (100)	114,509.64	76,339.76
Medan Renong	18,062.99	347.37	52 (100)	14,589.54	3,473.70
Chowrasta	19,643.65	327.39	60 (100)	15,059.94	4,583.46

### 5. Salurkan kembali analisis dalam kitaran perancangan dan bajet

Melalui data tersebut, kita dapat melihat lebih ramai lelaki berbanding wanita mendapat dan menerima manfaat daripada lesen penjaja. Kita kini perlu mengambil kira jika ini boleh diterima atau sama ada kita perlu mengubah dasar kita. Kita mungkin memutuskan untuk lakukan langkah susulan dengan kaji selidik pengurus gerai, yang mungkin dapat menunjukkan bahawa sebenarnya ada lebih ramai wanita berbanding lelaki menjaga gerai, tetapi mereka bukan pemegang lesen tersebut.

Kemudiannya, kita boleh melakukan kaji selidik untuk mengetahui sama ada mereka ingin menjadi pemegang lesen dan apa yang telah menghalang mereka daripada menjadi pemegang lesen. Dengan memperluaskan pengumpulan data dan menggabungkan teknik data berbeza, kita boleh

membina pemahaman yang komprehensif terhadap bidang (dasar) tertentu. Ini akan membolehkan kita untuk membuat keputusan yang lebih baik dan tepat dalam konteks objektif keseluruhan dan *outcome* bajet.

Kita boleh melanjutkan analisis insiden manfaat seperti ini ke bahagian lain dalam perbelanjaan bajet kita.

**Objektif Projek:** Bagi menilai sama ada penggunaan kemudahan kesihatan awam bias gender.

- ▶ Kita membelanjakan RM125,000 kos operasi tahunan kolam renang, sebahagian daripada peruntukan kemudahan sukan sebagai satu cara untuk menggalakkan kesihatan awam yang baik. Analisis dari pengguna kolam renang mendapat 182,000 lelaki dan 78,000 wanita menggunakan kolam renang sepanjang tahun.
- ▶ Kita boleh pecahan perbelanjaan kita dalam unit kos operasi (RM0.47 setiap pengguna) dan agregatkannya mengikut jantina. Hasilnya didapati bahawa manfaat untuk lelaki berjumlah RM78,960.00, dan wanita, RM33,840.00.
- ▶ Kita mungkin mahu berbincang bagaimana kita boleh membetulkan ketidakseimbangan dan/atau jurang yang nyata ini, terutama kepada kumpulan yang kurang menggunakan kemudahan ini.
- ▶ Kita mungkin ingin melanjutkan analisis seperti ini pada pelbagai kemudahan riadah lain, untuk memastikan ketidakseimbangan tidak berulang sehingga menjelaskan kumpulan pengguna tertentu.
- ▶ Kita juga boleh menambah analisis kita dengan Penilaian Impak Benefisiari sebagai sebahagian daripada proses ini.

## ALAT-ALAT DATA GRPB, CONTOH 2

### Penilaian Impak Benefisiari

Penilaian Impak Benefisiari (*Beneficiary Impact Assessment*) juga digunakan secara meluas melalui inisiatif GRPB. Ia bertujuan untuk mengetahui pengalaman sebenar orang yang mendapat manfaat daripada perkhidmatan dan cadangan mereka untuk penambahbaikan, supaya kita boleh menyesuaikan pendekatan kita untuk memberikan perkhidmatan yang lebih berkesan.

Penilaian impak benefisiari adalah sebahagian daripada pendekatan penyertaan rakyat. Ia membantu mewujudkan asas yang kukuh untuk

melibatkan penduduk tempatan dalam pembuatan keputusan dan penyampaian dasar serta membantu memaksimumkan perkongsian antara kerajaan dan rakyat dalam memastikan perkhidmatan yang berkesan. Kita boleh melakukan penilaian impak benefisiari pada perkhidmatan tertentu seperti pelupusan sampah, penilaian seluruh sektor seperti pengurangan kemiskinan, atau kawasan tempatan tertentu seperti kampung.

**Objektif Projek:** Mengetahui bagaimana reka bentuk pasar memberi kesan kepada pengguna yang berbeza, terutamanya wanita dan lelaki.

### **Langkah Projek**

1. Draf soalan kaji selidik.
2. Lakukan kajian soal selidik melalui sampel dari pengguna pasar. Pastikan wanita dan lelaki daripada kumpulan umur yang berbeza dilibatkan.
3. Muktamadkan (*finalise*) soal selidik tersebut.
4. Temubual pengguna dan bukan pengguna pasar dalam komuniti tempatan. Pastikan penglibatan pelbagai pengguna yang berbeza (pertimbangan termasuk bukan pengguna, termasuk wanita dan lelaki, kanak-kanak perempuan dan lelaki, kumpulan umur yang berbeza, orang dengan kemampuan pergerakan yang berbeza, dan lain-lain).
5. Analisis keputusan.
6. Sertakan maklum balas dalam proses perancangan. Keputusan perlu diserah kembali kepada pengguna pasar melalui mesyuarat terbuka. Keputusan juga harus diserah kembali dalam mesyuarat Jabatan yang berkenaan dan jawatankuasa Majlis. Jika terdapat keperluan yang jelas untuk penambahbaikan, peruntukan bajet dan inisiatif susulan perlu dibincang dan dipersetujui, libatkan arkitek, dan langkah-langkah penyertaan komuniti dimulakan.

Maklumbalas mungkin menunjukkan, contohnya, masih ada masalah akses untuk orang kurang upaya dan wanita dengan kereta sorong, kemudahan tandas bagus tetapi masih tidak dijaga dengan baik, tempat letak kereta masih menjadi masalah utama pada waktu puncak dan masih ada ruang untuk inisiatif kitar semula sisa yang lebih inovatif.

Menjalankan Penilaian Impak Benefisiari juga menjadikannya lebih mudah untuk menggabungkan responden ('pengguna perkhidmatan') dalam mana-mana inisiatif lain untuk penambahbaikan, memudah cara proses partisipatori begitu penting kepada GRPB.

## PELUANG PENYERTAAN KOMUNITI DALAM PENGUMPULAN DATA

Sebagaimana cara pengumpulan data seperti yang disebut sebelum ini, terdapat banyak peluang untuk melibatkan komuniti dalam reka bentuk dan perlaksanaan sebenar sebarang penilaian impak benefisiari.

### RUMUSAN

Ringkasnya, mengikut pendekatan GRPB kita perlu memastikan bahawa kita mempunyai sistem data yang komprehensif untuk memasukkan data mengikut pecahan jantina dan pecahan data berdasarkan faktor-faktor lain (seperti umur, pendapatan, lokasi, kecacatan, pendidikan, dan lain-lain). Ini supaya kita dapat menilai impak dasar kepada lelaki dan wanita, kanak-kanak perempuan dan kanak-kanak lelaki, dan dapat memperuntukkan sumber bajet dengan lebih cekap dan berkesan.

- Semak 1:** Adakah kita melabur secukupnya dan sewajarnya dalam sistem data kita?
- Semak 2:** Adakah keupayaan data kita digunakan dengan betul dan berkembang dari tahun ke tahun?
- Semak 3:** Adakah kita menggunakan petunjuk dan pendekatan yang betul untuk menilai impak dasar?
- Semak 4:** Adakah kita mampu memilih alat yang sesuai daripada pelbagai alat analisis data yang berbeza?



*Terdapat pelbagai cara untuk mendapatkan maklum balas. Kita boleh mengadakan kaji selidik kepuasan pelanggan. Atau menganjurkan perbincangan kumpulan tumpu-bincang. Temubual juga boleh dilaksanakan. Walau apa pun, kita perlu melibatkan wanita daripada pelbagai kumpulan (benefisiari dan bukan benefisiari) dalam usaha ini. Ini akan memastikan kita melibatkan suara-suara yang mungkin yang tidak didengar sebelum ini.*

## **4. MEMBINA KAPASITI, MEMUPUK PERSEFAHAMAN**

---

Syarat asas kepada kejayaan implimentasi GRPB adalah mempunyai kakitangan yang memahami apa yang diperlukan dan boleh dilaksanakannya. Ini memerlukan komitmen dan pelaburan dari organisasi / institusi.

Projek GRPB mungkin menuntut kemahiran yang tidak ada dalam kalangan kakitangan kita, jadi kita perlu melatih kakitangan, dan mungkin, dalam masa yang sama, bekerjasama dengan pihak lain yang mempunyai kemahiran dan kapakaran yang diperlukan.

### **Amalan Baik**

---

- ✓ Memberi inspirasi: menjadikan kakitangan bersemangat dengan GRPB.
- ✓ Membantu kakitangan menjadi lebih cekap dan efektif dalam kerja-kerja mereka secara keseluruhan.
- ✓ Membina kefahaman mengenai gender dalam organisasi.

### **Apa Yang Perlu Dielakkan**

---

- ▷ Kepentingan GRPB tidak dijelaskan
- ▷ Bosan
- ▷ Terlalu berteori
- ▷ Tiada tindakan susulan
- ▷ Orang hanya hadir sebagai syarat keperluan latihan, tidak berminat
- ▷ Tiada kesinambungan

### **Latihan**

---

Latihan GRPB adalah kritikal dalam membantu membina kapasiti dalam organisasi kita, bukan hanya untuk GRPB tetapi juga untuk memahami OBB dan keseluruhan pembuatan keputusan dalam perancangan dan bajet.

Latihan perlu dirancang sebagai satu siri berperingkat, supaya kakitangan boleh meningkatkan pemahaman mereka. Semua kakitangan perlu menghadiri latihan asas, supaya setiap kakitangan dalam organisasi kita mempunyai kefahaman tentang GRPB.

Tahap berikutnya adalah untuk kakitangan yang lebih terlibat secara langsung dalam GRPB, dengan setiap peringkat membantu meningkatkan keupayaan dan pemahaman berkaitan dengan:

- ▶ Pemahaman menyeluruh mengenai gender dan keadilan sosial;
- ▶ Pemahaman menyeluruh mengenai peranan kerajaan (tempatan) dan proses bajet;
- ▶ Kepentingan GRPB kepada OBB dan kitaran bajet;
- ▶ Kepentingan dan faedah melibatkan komuniti dan bagaimana untuk bekerja dengan mereka; dan
- ▶ Kefahaman menyeluruh mengenai prinsip-prinsip tadbir urus yang baik.

## Pendedahan / Pertukaran Idea

Ramai terlibat dalam perlaksanaan GRPB yang sedang rancak dijalankan, maka terdapat banyak ruang untuk belajar. Berkongsi dan bertukar-tukar pengalaman GRPB membantu mengingatkan kita bahawa kita melakukan kerja-kerja yang baik serta membuka kesempatan mempelajari peluang atau kaedah baru untuk melaksanakan GRPB. Perkongsian boleh dibuat dalam negeri, negara atau antarabangsa. Berkongsi dengan pengamal juga membantu memberi inspirasi kepada kita berkenaan potensi amalan GRPB. Kita juga boleh memilih untuk melawat lokasi yang dapat memberikan kita pengalaman bagaimana alat data tertentu untuk digunakan.



*Lawatan sambil belajar memberi kita ruang untuk berbincang, merenung, berkongsi, mendengar, belajar dan merancang! Di sini pegawai kanan berdebat tentang perancangan dan OBB, yang menyediakan konteks yang sangat positif untuk integrasi GRPB.*

## Mesyuarat / Persidangan

Pulau Pinang telah menjadi tuan rumah kepada Persidangan Serantau GRB pada tahun 2014. Ini memberikan peluang yang hebat kepada pegawai kerajaan, kakitangan, pemimpin masyarakat, badan bukan kerajaan dan lain-lain untuk mendengar dan mendapat manfaat daripada pengalaman GRPB di rantau ini dan di seluruh dunia.

Pada masa yang sama, persidangan itu juga memberikan peluang untuk berkongsi sumbangan dan inisiatif tempatan.

## Apa Yang Perlu Dielakkan

- ▶ Tiada susulan, *one-off*, orang lupa.
- ▶ Tiada maklum balas dalam organisasi.
- ▶ Monopoli oleh segelintir.
- ▶ Sebahagian aktiviti kemungkinan terlalu ‘akademik’ dan tidak semestinya sesuai dilaksanakan.
- ▶ Kaki melancang – pergi tanpa sebarang komitmen.

## 5. MENGINTEGRASIKAN GRPB DALAM KITARAN BAJET

Satu bahagian penting dalam penginstitusian GRPB adalah kita melihat dan mengambil peluang untuk memasukkan GRPB pada setiap peringkat kitaran bajet. Gambar rajah berikut menerangkan hal ini:



## **1. Perumusan Bajet**

---

### **Ciri-ciri keseluruhan**

- ▶ Analisis data yang berkaitan dengan impak anggaran sebelumnya.
- ▶ Perancangan Strategik untuk menetapkan parameter dan matlamat yang lebih luas.
- ▶ Pekeliling dikeluarkan.
- ▶ Penyediaan Bajet Jabatan.
- ▶ Perundingan bajet dan inisiatif bajet penyertaan komuniti (*partisipatori*) di peringkat komuniti.

### **Tambahan GRPB**

- ▶ Perhatian khusus kepada objektif kesaksamaan gender dalam perancangan.
- ▶ Rujukan yang jelas kepada isu-isu gender dalam pekeliling bajet.
- ▶ Penghujahan Jabatan termasuk maklumat mengenai cara perbelanjaan memberi impak terhadap kesaksamaan gender.
- ▶ Bahan bajet termasuk Penyata Bajet Gender.
- ▶ Inisiatif partisipatori atau penyertaan rakyat memastikan penyertaan wanita dan lelaki di seluruh peringkat umur dan latar belakang.

Kitaran bajet setiap tahun dibawa ke tahun berikutnya. Kepentingan dalam analisis berterusan (termasuk penggunaan alat GRPB) tidak boleh ditekankan secara keterlaluan: ia akan membantu memaklum dan mencetus perbincangan jabatan mengenai peruntukan bajet yang sesuai termasuk inisiatif GRPB berkaitan.

## **2. Pengesahan Bajet**

---

### **Ciri-ciri keseluruhan**

- ▶ Bajet jabatan yang muktamad dipersetujui oleh Jabatan Kewangan.
- ▶ Penelitian oleh Jawatankuasa Majlis.
- ▶ Pembentangan untuk kelulusan oleh badan-badan yang berkaitan (majlis / parlimen).

### **Tambahan GRPB**

- ▶ Ahli Majlis dan kakitangan yang terlatih dalam GRPB, bertanya soalan yang betul.
- ▶ Perbahasan yang baik tentang bagaimana bajet memperbaiki keadaan wanita dan kesaksamaan gender.

- ▶ Input diperolehi daripada pakar gender dan NGO (wanita) yang berkaitan.
- ▶ Penyata bajet termasuk analisis bajet gender (atau mungkin Penyata Bajet Gender yang berasingan).
- ▶ Menggalakkan artikel media mengenai implikasi bajet gender.

Keutamaan keseluruhan organisasi akan menentukan peruntukan yang muktamad, yang kemudian akan dibentangkan dan diluluskan kepada/oleh pihak berkuasa yang berkaitan. Sekali lagi bukti dan cadangan berdasarkan pengumpulan data dan analisis yang komprehensif akan membantu membimbing kita dalam hal ini.

Semakan oleh ahli majlis dan yang lain akan membolehkan analisis lanjut bajet menggunakan kriteria GRPB, dan jika matlamat gender dan komuniti diabaikan atau terkurang, ada peluang untuk pembetulan di sini. Sudah tentu ahli majlis dan lain-lain akan menerima latihan mengenai cara membaca bajet dan juga GRPB.

Ini adalah peluang terakhir untuk pindaan dibuat, penggunaan sepenuhnya lensa GRPB akan membantu memastikan bajet telah mengambil maklum secara maksimum apa-apa maklum balas masyarakat/benefisiari, memberi perhatian kepada hasil yang lebih luas daripada pengumpulan data dan analisis.

Pembentangan bajet untuk mesyuarat majlis/ dewan undangan negeri / parlimen akan menggabungkan analisis impak gender. Penyata bajet rasmi akan menyertakan Penyata Bajet Gender secara bersama atau berasingan. Perkara utama akan ditekankan dalam siaran akhbar dan dalam wawancara kepada media dan lain-lain. Semua ini akan memberikan kita keyakinan bahawa bajet dan dasar-dasar yang dibentangkan membawa GRPB ke hadapan dalam konteks keadilan sosial dan gender.

### **3. Perlaksanaan Bajet**

#### **Ciri-ciri keseluruhan**

- ▶ Kementerian dan Jabatan memastikan semua inisiatif dan projek dilaksanakan.
- ▶ Pemantauan dan penilaian berterusan memastikan matlamat bajet dicapai.

### **Tambahan GRPB**

- ▶ Penggunaan GRPB membantu memastikan penglibatan tempatan di mana sahaja dan di mana yang sesuai.
- ▶ Pemantauan berterusan (menggunakan alat GRPB) mengemas kini kemajuan dan cabaran.
- ▶ Alat mengesan menjadi relevan dalam memastikan peruntukan bajet mencapai sasaran yang ditetapkan.

Setelah peruntukan bajet dipersetujui dalam konteks matlamat keseluruhan dasar, perlaksanaan projek dan inisiatif adalah penting jika kita benar-benar ingin menghasilkan impak. Menggunakan proses GRPB (seperti yang digariskan dalam Manual ini, sebagai contoh) akan memastikan bajet penyertaan rakyat (partisipatori) menjadi sebahagian daripada penyampaian perkhidmatan dan projek di peringkat organisasi/institusi. Meningkatkan penggunaan alat-alat analisis bajet gender, termasuk alat pengesanan, akan membantu memastikan pemantauan bajet menjadi efektif di mana pembaziran dan ketidakcekapan dalam perlaksanaan dikurangkan ke tahap minimum. Penglibatan rakyat dan komuniti tempatan juga akan membantu membina kapasiti untuk penilaian inklusif, yang mungkin membawa kepada penerbitan laporan berkala bagi memaklumkan kemajuan perlaksanaan.

## **4. Pengauditan Bajet**

### **Ciri-ciri keseluruhan**

- ▶ Audit dan pemantauan berterusan perbelanjaan tahunan sebelumnya.

### **Tambahan GRPB**

- ▶ Sensitiviti gender adalah bahagian penting dalam audit: Alat GRPB digunakan untuk menganalisis perbelanjaan.
- ▶ Pengumpulan data dan analisis secara automatik termasuk mengikut pecahan jantina.
- ▶ Penanda gender dan KPI yang berkaitan dengan gender memastikan impak gender terhadap perkhidmatan lebih mudah dipantau dan diukur prestasinya.
- ▶ Perlaksanaan bajet membentuk kesedaran kumpulan sasaran dan impak yang berbeza terhadap wanita dan lelaki sebagai benefisiari daripada inisiatif.
- ▶ Pemantau bajet rakyat dibentuk.

Audit tahunan inisiatif sebelumnya dan perlaksanaan projek/perbelanjaan yang dipersetujui menawarkan peluang baik untuk menginstitusikan mekanisme

GRPB. Kepentingan pengumpulan data dan analisis, dengan alat data GRPB, akan membantu kita menilai dengan tepat impak perbelanjaan tahun lepas terhadap matlamat keseluruhan dan gender, dan membantu membimbing kita pada masa hadapan. Membangunkan KPI dan penanda gender akan membantu juruaudit mengenal pasti prestasi positif dan cabaran dengan lebih berkesan. Pemekaan bukan hanya kepada juruaudit tetapi juga orang ramai berkenaan kaedah mengaudit bajet. Ini supaya impak gender ditangani sepenuhnya dan juga boleh membantu kita membentuk kumpulan pemantau bajet rakyat sebagai sebahagian daripada inisiatif partisipatori yang lebih luas.

## **Sepanjang Proses Bajet**

GRPB menggalakkan kita untuk bertanya soalan yang berkaitan dan positif di semua peringkat untuk memastikan bajet kita sensitif dan bertindak balas kepada keperluan dan peluang yang berbeza.

Soalan termasuk:

- S1.** Bagaimana keputusan bajet memberi impak kepada kehidupan lelaki dan wanita?
- S2.** Siapa yang mendapat faedah (secara langsung atau tidak langsung) dari perbelanjaan kerajaan?
- S3.** Bilakah sesuai bagi kerajaan untuk membayar perkhidmatan yang pada masa ini disediakan secara percuma (contohnya, penjagaan di rumah)?
- S4.** Mana keputusan yang mengukuhkan atau mengubah stereotaip gender?
- S5.** Bagaimana bajet boleh menyumbang kepada kesaksamaan gender dan memperkasakan wanita?

## **Mengapa Perlu Diinstitusikan?**

Kebaikan mengintegrasikan GRPB dalam proses arus perdana OBB:

- Integrasi Pengumpulan dan Analisis Data mengikut pecahan jantina dalam dasar dan keputusan bajet.
- Struktur ditubuhkan untuk menyokong GRPB.
- Dialog Bajet melibatkan semua kelompok masyarakat.
- Projek komuniti digerakkan.
- Senarai Semak Kemudahan Mesra Gender untuk Perancangan dan Persekutaran Terbina dipatuhi.
- Perbincangan Bajet termasuk kesedaran gender (bagi Ahli Majlis / kakitangan).
- Impak Gender dimasukkan dalam Ucapan Bajet.
- Penyata Bajet Gender diumumkan.

## **LAMPIRAN SATU: BORANG KAJI SELIDIK**

Langkah 4 iaitu bahagian bekerja dengan komuniti menunjukkan betapa pentingnya untuk kita mengetahui komuniti kita. Maka, dalam pemetaan komuniti, kaji selidik garis dasar (*baseline*) adalah penting. Maklumat yang dikumpul melalui proses ini mungkin bergantung kepada jenis projek yang kita rancang dengan komuniti. Sebagai contoh, ia boleh terdiri daripada bincian penuh hingga kaji selidik bersasar mengenai pengguna yang berpotensi.

Kami sertakan di sini dua contoh jenis latar belakang dan soalan kaji selidik yang dijalankan oleh PWDC dan rakan kongsi dalam projek-projek GRPB di Pulau Pinang.

**Kaji Selidik Cadangan Projek Menaiktaraf  
Taman Tunku, Seberang Jaya  
Oleh: MPSP & PWDC**

**Bahagian A : Butir peribadi**

1. Nama: \_\_\_\_\_  
(Tel: \_\_\_\_\_)
2. Gender: \_\_\_\_\_ 3. Umur: \_\_\_\_\_
4. Etnisiti: \_\_\_\_\_
5. Kediaman: \_\_\_\_\_
6. Pekerjaan: \_\_\_\_\_
7. Ketakupayaan (Jika YA, sila nyatakan): \_\_\_\_\_

## **Bahagian B: Taman Sedia Ada**

8. Adakah anda mengunjungi Taman Tunku untuk menggunakan kemudahan yang disediakan? (*Sila bulatkan*) YA / TIDAK
  
9. Jika YA, berapa kerapkah anda berbuat demikian? (*Sila bulatkan*)  
Setiap hari / Beberapa kali seminggu / Sekali seminggu / Jarang-jarang / Sangat jarang
  
10. Jika YA, sila nyatakan dengan siapa anda mengunjungi taman ini?  
(Contoh: isteri, anak-anak, kawan, seorang, dll)

---

---

11. Apakah aktiviti yang anda buat bila mengunjungi Taman Tunku?  
(Boleh pilih lebih dari 1)

Duduk dan rehat	Bersenam	
Gunakan kelengkapan gim	Berjalan / Joging	
Lain-lain (sila nyatakan)		

12. Adakah anda puashati dengan kebersihan Taman Tunku?  
(*Sila bulatkan*) YA / TIDAK
  
13. Jika TIDAK, sila nyatakan kenapa? (Contoh: penyelenggaraan, pengutipan sampah, bilangan tong sampah, pemotongan rumput, dll)

---

---

---

14. Adakah anda puashati dengan keselamatan di Taman Tunku? (*Sila bulatkan*) YA / TIDAK
  
15. Jika TIDAK, sila nyatakan kenapa? (contoh: tiada penutup longkang, alatan taman permainan kanak-kanak, dll.)

---

---

---

## **Bahagian C : Cadangan Projek Menaiktaraf Taman Tunku, Seberang Jaya oleh MPSP**

16. Adakah anda akan lebih kerap mengunjungi Taman Tunku sekiranya MPSP menaiktarafkannya? (*Sila bulatkan*) YA / TIDAK
17. Jika YA, sila nyatakan kekerapannya: (*Sila bulatkan*)  
Setiap hari / Beberapa kali seminggu / Sekali seminggu / Jarang-jarang / Sangat jarang / Tiada perubahan
18. Jika TIDAK menggunakan Taman Tunku ini, sila nyatakan mengapa?

---

---

---

19. Sila berikan pandangan anda (YA, TIDAK atau TIDAK PASTI) mengenai kemudahan dan infrastruktur yang MESTI disediakan di Taman Tunku yang akan dinaiktaraf. (*Sila tandakan setiap yang berkenaan*)

No.	Perkara	Ya	Tidak	Tidak Pasti
a.	Trek untuk jogging dan berjalan			
b.	Tambah peralatan gim ( <i>gim terbuka</i> )			
c.	Tambah peralatan taman permainan kanak-kanak			
d.	Tambah bangku rehat di taman			
e.	Bina pentas terbuka untuk aktiviti komuniti			
f.	Tingkatkan tahap keselamatan infrastruktur ( <i>Contoh: longkang, peralatan taman permainan kanak-kanak, dll</i> )			
g.	Tingkatkan tahap keselamatan pengunjung ( <i>seperti pasang CCTV, dll.</i> )			
h.	Bina tandas awam			
i.	Bina sinki, tandas dan urinal khas untuk kanak-kanak			

j.	Bina bilik salin pakaian			
k.	Bina bilik-bilik tukar lampin dan penyusuan bayi			
l.	Pendingin Air ( <i>Water Coolers</i> )			
m.	Kiosk menjual makanan ringan			
n.	Ruang-ruang letak kereta teratur <i>(keutamaan kepada wanita, keluarga dan OKU)</i>			
o.	Infrastruktur mesra OKU ( <i>Contoh: tanjakan, jubin, ruang sesuai untuk aktiviti, dll.</i> )			
p.	Pasang papan tanda ( <i>Contoh: keselamatan, kebersihan, bahagian peralatan dan aktiviti, dll.</i> )			
q.	Tanam lebih banyak pokok ( <i>kehijauan</i> )			
r.	<i>Tingkatkan kebersihan (Contoh: tambah tong sampah, program kitar semula dll.)</i>			

20. Sila nyatakan kemudahan lain yang anda rasa perlu disediakan di Taman Tunku yang dinaiktaraf (*jika ada*):

---



---



---

21. Pada pendapat anda, patutkah sungai berhampiran dinaiktaraf sebagai satu tarikan?

- Jika YA, sila nyatakan bagaimana:

---



---



---

- Jika TIDAK, sila nyatakan mengapa:

---



---



---

22. Apakah cadangan anda untuk penyelenggaraan kawasan ini? (*Contoh: dari segi kebersihan, kerja-kerja ubahsuai, keselamatan atau lain-lain*)

---

---

---

23. Apakah cadangan anda mengenai aktiviti komuniti yang akan dianjurkan di kawasan ini? (*Contoh: Aerobik, Tai Chi, Program Kitar Semula*)

---

---

---

24. Pada pendapat anda, siapa yang harus menganjurkan aktiviti-aktiviti komuniti? (*Contoh: persatuan komuniti, JKKK, MPSP, kerajaan*)

---

---

---

25. Pandangan dan cadangan:

---

---

---

---

---

**Terima Kasih**

**SOAL SELIDIK UNTUK PROJEK MENAIKTARAF  
PASAR LEBUH CAMPBELL**

**Oleh Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang  
& Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP)**

**Pelanggan**

**A. LATARBELAKANG**

1. Nama: \_\_\_\_\_
2. No Tel: \_\_\_\_\_
3. Gender (*sila bulatkan*): Wanita / Lelaki
4. Umur: \_\_\_\_\_
5. Etnisiti (*sila bulatkan*): Cina / Melayu / India / India Muslim / Lain-lain  
(*sila nyatakan*) \_\_\_\_\_
6. Kediaman: \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_
7. Adakah anda seorang pelanggan Pasar Lebu Campbell? (*sila bulatkan*)  
YA / TIDAK: \_\_\_\_\_ Jika YA, sila nyatakan tahun anda mula-mula  
mengunjungi pasar ini: \_\_\_\_\_
8. Jenis pelanggan (*sila bulatkan*): Individu / Pemilik Restoran
9. Sila nyatakan jumlah hari / jam anda ke pasar dalam seminggu:  
\_\_\_\_\_ hari \_\_\_\_\_ jam seminggu

10. Sila nyatakan sebab untuk membeli di sini (*sila bulatkan, boleh pilih lebih dari satu*): Barang murah / Segar / Berbagai pilihan / Makanan sedap / Berdekatan dengan rumah / Senang parkir / Boleh tawar-menawar  
Lain-lain (*sila nyatakan*): \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_

11. Sila nyatakan dengan siapa anda datang ke pasar ini?

\_\_\_\_\_

12. Sila senaraikan empat (4) jenis barang yang anda beli di pasar ini:  
Sayuran / Makanan laut / Ayam / Babi / Daging lembu  
Lain-lain (*sila nyatakan*): \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_

13. Jika TIDAK, sila nyatakan kenapa anda tidak membeli di Pasar Lebuh Campbell?

\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_

14. Selain dari Pasar Lebuh Campbell, adakah anda juga membeli dari pasar lain? (*sila bulatkan*) YA / TIDAK

Jika YA, sila nyatakan pasar tersebut dan barang yang anda beli:

Pasar: \_\_\_\_\_

Barangan: \_\_\_\_\_

## **B. MENAIKTARAF PASAR**

15. Adakah anda menyokong usaha menaiktaraf pasar ini?  
YA / TIDAK. Sila nyatakan sebabnya:

\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_

16. Adakah anda sokong untuk membawa peniaga di luar masuk ke dalam pasar yang telah dinaiktaraf? YA / TIDAK. Sila nyatakan sebabnya:

---

---

---

17. Adakah anda bersetuju untuk pasar ini digunakan untuk aktiviti lain selepas waktu pasar disebelah pagi? (*Contoh: pasar malam, dll.*)  
(Sila bulatkan) YA / TIDAK

Jika YA, sila huraikan cadangan anda: \_\_\_\_\_

---

---

i. Aktiviti petang – \_\_\_\_\_ ) \_\_\_\_\_  
ii. Aktiviti malam – \_\_\_\_\_

Jika TIDAK. Sila nyatakan sebab: \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_

18. Apakah barang lain yang patut dijual di pasar ini? Sila nyatakan:

---

---

---

### **C. KEBERSIHAN**

19. Adakah anda puashati dengan kebersihan Pasar Lebuh Campbell? (sila bulatkan) YA / TIDAK. Nyatakan sebabnya: \_\_\_\_\_

---

20. Jika TIDAK, sila nyatakan tiga (3) perkara yang MESTI dibuat untuk memastikan kebersihan pasar ini?

i. \_\_\_\_\_  
ii. \_\_\_\_\_  
iii. \_\_\_\_\_

## **D. KESELAMATAN**

21. Adakah anda puashati dengan keselamatan Pasar Lebuh Campbell?  
(sila bulatkan) YA / TIDAK. Sila nyatakan sebabnya:

---

---

---

22. Jika TIDAK,sila nyatakan tiga (3) perkara yang MESTI dilakukan untuk memastikan keselamatan pasar ini?

i. \_\_\_\_\_

ii. \_\_\_\_\_

iii. \_\_\_\_\_

## **E. KEPERLUAN**

23. Sila tandakan sebarang perkara dibawah yang anda fikirkan penting bagi menaiktaraf pasar ini:

No	Perkara	Ya	Tidak	Tidak Pasti
a.	Tandas dan sinki untuk kanak-kanak.			
b.	Tandas – lebih banyak bilik tandas untuk wanita kerana ada lebih ramai pelanggan wanita dari lelaki di pasar ini.			
c.	Tandas Orang Kurang Upaya (OKU).			
d.	Bilik -bilik tukar lampin dan penyusuan bayi.			
e.	Tempat rehat untuk warga emas dan kanak-kanak.			
f.	Kemudahan mesra OKU seperti tanjakan, jubin, ruang sesuai untuk aktiviti, dll.			
g.	Ruang parkir yang berdekatan untuk wanita, OKU dan orang awam.			
h.	Sinki untuk cuci tangan untuk pelanggan.			
i.	Tingkatkan tahap keselamatan pasar dengan memasang CCTV.			

j.	Pencahayaan yang baik dari bumbung untuk menarik pelanggan.			
k.	Papan tanda untuk bahagian penting seperti bahagian jualan, tandas, dll.			
l.	Kafe di dalam pasar.			
m.	Ruang aktiviti komuniti di tingkat 2 – seperti mesyuarat, jamuan, dll.			
n.	Tanah wakaf digunakan untuk bina surau.			
o.	Tanah wakaf dijadikan taman.			

24. Sila nyatakan tiga (3) perkara penting yang MESTI disediakan di pasar ini selain dari yang disebut diatas:

- i. \_\_\_\_\_
- ii. \_\_\_\_\_
- iii. \_\_\_\_\_

25. Nyatakan 3 perkara yang patut dihapuskan dari pasar ini:

- i. \_\_\_\_\_
- ii. \_\_\_\_\_
- iii. \_\_\_\_\_

26. Adakah anda bersetuju pasar ini terus dikemukakan dalam kawasan ini atau digantikan dengan projek lain? (*sila bulatkan*) YA /TIDAK. Sila nyatakan mengapa:

---



---



---

27. Pandangan dan cadangan:

---



---



---

**Terima Kasih**

## LAMPIRAN DUA: JADUAL KUMPULAN TUMPU

Perbincangan Kumpulan Tumpu-Bincang (KTB) adalah satu cara yang penting untuk mendapatkan maklumat dari ‘suara-suara’ yang berbeza dalam masyarakat. Dengan merujuk kepada kumpulan yang berbeza daripada penduduk atau pengguna kemudahan, kita akan lebih memahami ‘keperluan yang berbeza bagi kelompok yang berlainan’. Kita boleh mengasingkan kumpulan ini mengikut umur, jantina, mobiliti, atau sebarang ciri lain yang berkaitan.

Berikut adalah contoh pecahan yang digunakan untuk projek GRPB di Kampung Sungai Chenaam.

No.	Kumpulan	Tarikh	Masa
1.	Wanita dan lelaki (Warga Emas)	25 dan 26 Ogos	10.30 pagi
2.	Wanita berumur 19-30	27 dan 28 Ogos	5.30 petang
3.	Wanita 18 tahun kebawah	1 dan 2 September	5.30 petang
4.	Lelaki 18 tahun kebawah	3 dan 4 September	5.30 petang
5.	Lelaki berumur 19-30	3 dan 4 September	9.00 pagi
6.	Kanak-kanak berumur 5-6 tahun	7 September	9.00 pagi
7.	Wanita berumur 31-60	8 dan 9 September	5.30 petang
8.	Lelaki dan wanita OKU	12 September	10.00 pagi
9.	Lelaki berumur 31-60	15, 16 dan 17 September	5.30 petang

## **LAMPIRAN TIGA: SENARAI SEMAK KEMUDAHAN MESRA GENDER UNTUK PERANCANGAN DAN PERSEKITARAN TERBINA**

### **PENGENALAN**

#### Apa itu Senarai Semak Gender?

Senarai Semak PWDC adalah kompilasi senarai semak 3-dalam-1 mengandungi perkara-perkara yang diambil dari atau telah diilhamkan oleh:

- **MS1184:2014 – Universal Design and accessibility in the built environment – Code of Practice (Second Revision)** terbitan November 2014 oleh Jabatan Standard Malaysia;
- **Crime Prevention through Environmental Design (CPTED) Implementation Guide** terbitan tahun 2010 oleh Unit Khas NKRA Bandar Selamat dibawah Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia; dan
- **Access Audit Checklist** terbitan tahun 2014 oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

#### Kenapa Senarai Semak ini Diperlukan?

- Untuk menyedia **kemudahan-kemudahan mesra gender** yang memenuhi **keperluan-keperluan sejagat atau unik** wanita dan lelaki dari semua latar belakang (muda dan tua, orang kurang upaya);
- Untuk menjadikan perancangan dan pembangunan lebih **sensitif dan berketerangkuman gender**; dan
- Untuk **melengkapi prinsip-prinsip reka bentuk berketerangkuman yang lain** iaitu Reka Bentuk Sejagat dan Pencegahan Jenayah melalui Reka Bentuk Persekutaran.

#### Apakah ciri-ciri Kemudahan Mesra Gender?

- **Menyedia akses yang mudah untuk SEMUA gender, bukannya memperkuuh stereotaip tentang peranan gender dalam masyarakat** (iaitu bilik keluarga dan stesen menukar lampin yang boleh diakses dan digunakan oleh bapa atau pengasuh lelaki, tidak hanya wanita);
- **Memenuhi keperluan-keperluan unik SATU atau SEMUA gender** (iaitu lebih banyak tandas untuk wanita untuk menghindarkan berbaris panjang; dan persekitaran selamat untuk menghindarkan jenayah terhadap semua orang);
- **Menyediakan untuk semua gender dari SEMUA peringkat umur dan keupayaan** (iaitu bilik tentuan keluarga/bayi yang boleh diakses dan digunakan oleh ibu bapa serta pengasuh wanita dan lelaki);

- **Kurangkan beban SATU atau SEMUA gender** (iaitu kemudahan pengasuhan anak untuk membenarkan ibu-ibu untuk kembali bekerja, dan memberi ibu bapa serta pengasuh rehat sementara);
- **Menegak dan menggalakkan prinsip-prinsip keterangkuman, ketercapaian, mobiliti dan keselamatan.**

Siapa Yang Akan Menggunakan Senarai Semak ini?

Semua yang terlibat dalam perancangan dan pembinaan kemudahan awam, komersil dan perumahan:

- **Kerajaan Negeri dan Tempatan (MBPP/ MPSP)** – semasa menyemak dan meluluskan cadangan-cadangan pembangunan;
- **Pemaju (syarikat GLC Negeri dan swasta)**; dan
- **Perancang, jurubina, pereka bentuk** – semasa mereka bentuk sesbuah bangunan, kemudahan atau kawasan.

Untuk Bila Menggunakan Senarai Semak Ini?

- **Perancang, jurubina, pereka bentuk** – sebagai rujukan bila mereka bentuk bangunan, kemudahan atau kawasan, disamping prinsip-prinsip reka bentuk dan senarai semak yang lain iaitu Reka Bentuk Sejagat;
- **Kerajaan Negeri dan Tempatan** – sebagai syarat kelulusan permohonan perancangan.

Adalah disarankan Senarai Semak Kemudahan Mesra Gender **digunakan bersama dengan kaedah perundingan dan penilaian impak sosial yang lain** (iaitu kaji selidik dan kumpulan tumpu bincang) untuk menentukan sama ada reka bentuk dan tataletak bangunan / kemudahan / kawasan adalah sesuai dan memenuhi keperluan semua kumpulan-kumpulan pengguna berpotensi iaitu wanita, lelaki, kanak-kanak perempuan, kanak-kanak lelaki, orang tua dan yang kurang upaya.

## **Senarai Semak Kemudahan Mesra Gender untuk Perancangan & Persekutaran Terbina**

Nama Lokasi / bangunan: \_\_\_\_\_

Alamat: \_\_\_\_\_

Tarikh Kaji Selidik: \_\_\_\_\_

Nama Pengkaji Selidik: \_\_\_\_\_

### **Nota tentang Rujukan (REF):**

MS = Perkara spesifik diambil daripada MS1184 Lampiran J: Panduan Reka Bentuk untuk Kemudahan Mesra Keluarga (*MS1184 Annex J: Design Guidelines for Family-Friendly Facilities*)

CP = Diilhamkan oleh panduan-panduan dalam Pencegahan Jenayah melalui Reka Bentuk Persekutaran (*Crime Prevention through Environmental Design*)

UD = Diilhamkan oleh panduan-panduan Reka Bentuk Sejagat (*Universal Design*)

### **A. PERSEKITARAN LUARAN**

No.	Perkara	Ruj	Ya	Tidak	Ulasan
<b>1.0.</b>	<b>TEMPAT PERHENTIAN / NAIK TURUN PENUMPANG</b>				
1.1.	Adakah tempat perhentian / naik turun penumpang dicahayai dengan cukup?	CP			
<b>2.0.</b>	<b>LALUAN PEJALAN KAKI</b>				
2.1.	Adakah laluan pejalan kaki dicahayai dengan cukup?	CP			
2.2.	Adakah terdapat ciri-ciri keselamatan yang mencukupi bagi mencegah kes ragut (misalnya penghadang yang mengasingkan laluan pejalan kaki dan jalan raya?)	CP			
<b>3.0.</b>	<b>LINTASAN PEJALAN KAKI</b>				
3.1.	Adakah lintasan pejalan kaki dicahayai dengan cukup?	CP			
<b>4.0.</b>	<b>TEMPAT LETAK KERETA</b>				
4.1.	Adakah terdapat petak letak kereta bagi wanita mengandung?	UD			

4.2.	Adakah simbol untuk wanita mengandung dicetak di atas tanah petak letak kereta bagi wanita mengandung?	UD			
4.3.	Adakah terdapat papan tanda menegak yang ketara menunjukkan bahawa petak letak kereta hanya bagi wanita mengandung?	UD			
4.4.	Adakah papan tanda untuk petak letak kereta bagi wanita mengandung boleh dilihat dengan jelas?	UD			
4.5.	Adakah terdapat sebarang halangan yang menyekat akses ke petak letak kereta bagi wanita mengandung?	UD			
4.6.	Adakah seluruh kawasan tempat letak kereta dicahayai dengan cukup?	CP			
4.7.	Adakah CCTV dipasang untuk memantau keselamatan?	CP			

## B. PERSEKITARAN DALAMAN

No.	Perkara	Ruj	Ya	Tidak	Ulasan
<b>1.0.</b>	<b>PINTU UTAMA</b>				
1.1.	Adakah pintu utama dicahayai dengan cukup?	CP			
<b>2.0.</b>	<b>PINTU</b>				
2.1.	Adakah kawasan pintu dicahayai dengan cukup?	CP			
<b>3.0.</b>	<b>LALUAN KORIDOR</b>				
3.1.	Adakah laluan koridor dicahayai dengan cukup?	CP			
<b>4.0.</b>	<b>LIF</b>				
4.1.	Adakah lif (luar dan dalam) dicahayai dengan cukup?	CP			
<b>5.0.</b>	<b>TANGGA</b>				
5.1.	Adakah kawasan tangga dicahayai dengan cukup?	CP			
<b>6.0.</b>	<b>TANDAS – UMUM</b>				
6.1.	Adakah bilik tandas lelaki dan bilik tandas wanita disediakan dengan nisbah 3:5?	UD			
6.2.	Adakah tandas uniseks disediakan?	UD			

<b>7.0. TANDAS – KEMUDAHAN MESRA KANAK-KANAK</b>					
7.1.	Adakah terdapat sekurang-kurangnya satu stesen tukar lampin bayi yang dipasang di dalam tandas lelaki?	MS			
7.2.	Adakah terdapat sekurang-kurangnya satu stesen tukar lampin bayi yang dipasang di dalam tandas wanita?	MS			
7.3.	Sebagai alternatif, ada terdapat sekurang-kurangnya satu stesen tukar lampin bayi yang dipasang di lokasi yang boleh diakses oleh kedua-dua lelaki dan wanita?	MS			
7.4.	Adakah stesen tukar lampin stabil dengan adanya tali keselamatan dan pengadang untuk memastikan keselamatan bayi?	MS			
7.5.	Adakah terdapat sekurang-kurangnya satu sinki saiz kanak-kanak di dalam tandas lelaki, dipasang pada ketinggian tidak lebih daripada 550mm?	MS			
7.6.	Adakah terdapat sekurang-kurangnya satu sinki saiz kanak-kanak di dalam tandas wanita, dipasang pada ketinggian tidak lebih daripada 550mm?	MS			
7.7.	Adakah terdapat sekurang-kurangnya satu ‘urinal’ saiz kanak-kanak di dalam tandas lelaki, dipasang pada ketinggian tidak lebih daripada 400mm?	MS			
7.8.	Adakah terdapat sekurang-kurangnya satu ‘urinal’ saiz kanak-kanak di dalam tandas wanita, dipasang pada ketinggian tidak lebih daripada 400mm?	MS			
7.9.	Adakah terdapat sekurang-kurangnya satu tandas duduk saiz kanak-kanak di dalam tandas lelaki, dengan ketinggian tempat duduk tandas sebanyak 350mm daripada lantai?	MS			
7.10.	Adakah terdapat sekurang-kurangnya satu tandas duduk saiz kanak-kanak di dalam tandas wanita, dengan ketinggian tempat duduk tandas sebanyak 350mm daripada lantai?	MS			
7.11.	Adakah terdapat sekurang-kurangnya satu kerusi perlindungan kanak-kanak di dalam satu bilik tandas di dalam tandas lelaki?	MS			

7.12.	Adakah terdapat sekurang-kurangnya satu kerusi perlindungan kanak-kanak di dalam satu bilik tandas di dalam tandas wanita?	MS			
7.13.	Adakah kerusi perlindungan kanak-kanak dilengkapi dengan tali keselamatan dan dipasang pada dinding yang kukuh untuk memastikan kestabilan?	MS			
<b>8.0.</b>	<b>KEMUDAHAN MESRA KELUARGA</b>				
8.1.	Adakah terdapat sekurang-kurangnya satu bilik keluarga dengan kemudahan penyusuan dan tukar lampin bayi?	MS			
8.2.	Adakah bilik keluarga terletak berhampiran dengan ruang tandas?	MS			
8.3.	Adakah bilik keluarga boleh diakses oleh kedua-dua ibu bapa dan penjaga lelaki dan wanita?	MS			
8.4.	Adakah terdapat satu kawasan di dalam bilik keluarga yang dipisahkan oleh dinding pemisah / tirai gelap yang disediakan untuk ibu-ibu menyusu sahaja?	MS			
8.5.	Sebagai alternatif, adakah terdapat bilik penyusuan berasingan yang boleh dikunci dan disediakan untuk ibu-ibu menyusu sahaja?	MS			
8.6.	Adakah terdapat sudut aktiviti atau bilik permainan kanak-kanak?	MS			
<b>9.0.</b>	<b>KEMUDAHAN PENJAGAAN HARIAN</b>				
9.1.	Untuk kawasan awam atau komersial, adakah terdapat kemudahan penjagaan harian untuk:	UD			
9.1a.	a) Kanak-kanak?	UD			
9.1b.	b) Warga emas?	UD			
9.1c.	c) Orang kurang upaya (OKU)?	UD			
9.2.	Untuk kawasan perumahan,adakah terdapat sekurang-kurangnya satu taska dan satu tadika untuk setiap 200 unit rumah (mengikut Panduan Kementerian Perumahan 2012)?	UD			
9.3.	Adakah kemudahan mesra keluarga dicahayai dengan cukup?	CP			

## GLOSARI

---

**Kitaran Bajet:** Proses tahunan (bulan demi bulan) untuk bajet dirumus, disahkan, dilulus, dilaksana, dan diaudit.

**Konvensyen Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Terhadap Wanita [Convention on the Elimination of All Forms of Discrimination Against Women (CEDAW):]** Konvensyen Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu yang ditandatangani oleh kerajaan Malaysia, yang menyokong komitmen terhadap hak dan status wanita.

**Diskriminasi:** Melayan/memperlakukan orang dengan ciri-ciri berbeza (seperti lelaki dan wanita, atau kaum) dengan cara berbeza. Diskriminasi biasanya tidak adil dan memecah-belahkan. Namun begitu ada konsep 'diskriminasi positif' di mana orang (yang kurang berasas baik) dalam kumpulan tertentu disasarkan untuk faedah/sokongan khas.

**Pemberdayaan:** Proses dan hasil akhir untuk mencapai autonomi secara peribadi atau kumpulan. Biasanya melalui akses kepada pengetahuan, kemahiran dan latihan, tetapi juga sangat bergantung kepada interaksi seseorang dengan persekitaran sosial, politik, ekonomi, dan budaya. Bagi kumpulan dan individu yang terpinggir, pemberdayaan hanya akan terlaksana dengan memperjuangkan perubahan besar dalam persekitaran mereka.

**Peluang Setara:** Memastikan bahawa tidak ada diskriminasi terhadap mana-mana kumpulan dalam mendapatkan/mewujudkan peluang untuk mengambil bahagian dalam mana-mana aspek kehidupan politik, sosial, budaya dan ekonomi.

**Feminisme:** Feminisme menyerlahkan kelaziman dan punca ketaksamaan gender (dan ketaksamaan sosial lain) dan berusaha mengubahnya. Ia secara langsung mencabar bentuk patriarki, dan hierarki lain dan menetapkan visi menjadikan gender dan kesaksamaan sosial sebagai norma.

**Gender:** Satu set ciri-ciri budaya tertentu yang mengenal pasti punca kelakuan sosial wanita dan lelaki dan hubungan antara mereka. Tanggapan 'gender' dibina secara sosial dan oleh itu berubah mengikut lokasi, budaya dan masa. Sama seperti konsep kelas, bangsa dan etnik, gender juga merupakan alat untuk analisis dan memahami proses sosial.

**Analisis Gender:** Cara yang sistematik melihat kepada peranan yang berbeza bagi wanita dan lelaki dalam aktiviti, institusi atau dasar dan impaknya terhadap wanita dan lelaki. Analisis gender bertanya soalan yang hubung dengan kuasa, kawalan, akses, penilaian, penyertaan dan manfaat. Analisis gender bertujuan untuk memahami, bagaimana dan mengapa aktiviti atau situasi tertentu memberi kesan dan impak berbeza kepada lelaki dan wanita, dengan pandangan yang tersirat untuk mencadangkan perubahan dalam dasar dan sikap supaya kesaksamaan gender tercapai.

**Kesedaran Gender:** Pemahaman bahawa terdapat perbezaan nyata dari segi sosial antara wanita dan lelaki berdasarkan kelakuan dipelajari, yang menjelaskan keupayaan mereka untuk mengakses dan mengawal sumber. Ini kemudiannya dihubungkan dengan analisis gender di mana kita menterjemahkan kesedaran kepada tindakan bagi perubahan positif.

**Buta gender:** Satu perspektif yang tidak mengiktiraf kesan yang berbeza kepada sikap, sosialisasi dan dasar-dasar terhadap wanita dan lelaki. Andaian bahawa semua orang adalah sama dan menerima kesan yang sama. Akibatnya, dasar, bajet, projek dan institusi yang buta gender, tanpa terelakkan menghasilkan semula norma maskulin lelaki.

**Penyata Bajet Gender:** Satu kenyataan yang dibentangkan oleh kerajaan di peringkat nasional atau tempatan yang menggariskan pencapaian tertentu bajet kerajaan (Persekutuan, Negeri, Tempatan) dalam mencapai matlamat gender. Penyata itu menggariskan analisis impak keseluruhan bajet terhadap matlamat gender, dan menyenaraikan cabaran dan komitmen bagi tahun akan datang. Penyata Bajet Gender secara automatik harus menjadi sebahagian daripada kitaran bajet di semua peringkat kerajaan.

**Kesaksamaan Gender:** Keadaan yang memastikan bahawa peluang yang sama, perlindungan, akses dan kawalan disediakan untuk wanita dan lelaki. Kesaksamaan gender bermakna keadaan yang sama wujud untuk wanita dan lelaki bagi merealisasikan potensi penuh mereka dalam menyumbang kepada pembangunan negara, politik, ekonomi, sosial dan budaya, dan mendapat manfaat daripada keputusan tersebut. Kesaksamaan gender bermakna tidak ada diskriminasi terhadap jantina sama ada dalam undang-undang atau amalan.

**Gender Focal Point:** diperkenalkan dalam organisasi sebagai satu cara untuk memastikan terdapat komitmen organisasi dan pemilikan terhadap prinsip-prinsip kesaksamaan gender dan keadilan gender. Biasanya dalam bentuk seorang atau lebih kakitangan yang diberi tanggungjawab khusus untuk mengerakkan agenda kesaksamaan gender dan memastikan pematuhan dan inovasi oleh organisasi untuk mencapai sasaran tersebut.

**Lensa gender:** ‘Menggunakan lensa gender’ menekankan kepentingan melihat tingkah laku dan keputusan kita dalam konteks kesannya terhadap gender. Ini bermakna kita adalah sedar-gender dan akan menggunakan analisis gender dalam menilai semua *outcome*, *output*, aktiviti dan tingkah laku.

**Mengarusperdanakan gender:** menekankan keperluan untuk menggabungkan keprihatinan dan matlamat gender sebagai sebahagian daripada kerja dan cita-cita kita, dan bukannya mengenepikannya atau meletakkannya di ruang ‘istimewa’. Ia menekankan kepentingan mempertimbang dan menyertakan keprihatinan, pengalaman dan sumbangsan wanita dan lelaki dalam mereka bentuk, melaksana, memantau dan menilai semua dasar dan program dalam semua bidang politik, ekonomi dan masyarakat sebagai asas kepada matlamat keseluruhan keadilan sosial dan kesaksamaan gender.

**Bebas-gender:** Situasi teori di mana dasar atau tingkah laku tidak dipengaruhi atau memberi kesan kepada wanita dan lelaki secara berbeza. Sering ada dakwaan, sebagai contoh, bajet dan dasar adalah bebas-gender. Ini akan mengelakkan pegawai daripada menjadi sedar gender, menggunakan analisis gender, atau menimbangkan apa-apa dimensi gender dalam keputusan mereka. Malangnya, realitinya jarang sekali sebarang dasar atau keputusan bajet bersifat bebas gender.

**Peranan gender:** Peranan yang dimainkan oleh wanita dan lelaki yang biasanya dipelajari, tingkah laku yang diterima dalam mana-mana masyarakat atau komuniti. Peranan ini menentukan aktiviti, tugas dan tanggungjawab yang dianggap ‘normal’ untuk lelaki dan wanita – sebagai contoh, lelaki pencari nafkah dan wanita suri rumah.

**Gender Responsive Budgeting (GRB):** Satu proses bajet dan peruntukan yang menggabungkan perspektif dan analisis gender untuk memastikan impak yang berbeza daripada bajet terhadap keperluan wanita dan lelaki difahami dan dirancang.

**Sensitif gender:** Idea, inisiatif atau tindakan yang mengambil kira ciri-ciri khas berkaitan dengan kehidupan wanita dan lelaki, dengan pandangan yang tersirat untuk menghapuskan ketidaksamaan dan menggalakkan pengagihan saksama sumber, manfaat, beban, hak dan tanggungjawab kepada lelaki dan wanita.

**Stereotaip gender:** Sikap, pendapat atau peranan yang diberikan tanpa sebarang persoalan kepada jantina tertentu dan berperanan sebagai andaian tetap.

**Interseksionaliti (persilangan):** Pendekatan analisis yang mengiktiraf 'identiti' berbeza yang kita miliki dan pengaruh yang berbeza setiap identiti ini terhadap kelakuan, peluang dan persekitaran kita. Interseksionaliti akan menggabungkan kelebihan / kelemahan / cabaran yang ada pada setiap daripada kita berdasarkan gender kita dengan analisis kelebihan / kelemahan / cabaran yang terbina dalam diri kita disebabkan oleh faktor seperti bangsa, etnik, kasta, kelas, umur, keupayaan / hilang upaya, orientasi seksual, agama, pendidikan, lokasi, dan sebagainya. Interseksionaliti menekankan keperluan untuk menangani kepelbagaiannya faktor dan bukannya hanya memberi tumpuan kepada satu faktor sahaja.

**Petunjuk Prestasi Utama:** Pengukuran prestasi yang semakin kerap digunakan untuk membantu menetapkan matlamat keutamaan yang telah dikenal pasti dan memantau pencapaian.

**LA 21:** Agenda Tempatan 21 adalah satu set komitmen berkaitan dengan pembangunan mampan (tempatan) yang terhasil daripada Sidang Kemuncak Bumi Bangsa-Bangsa Bersatu yang diadakan di Rio pada tahun 1992. Banyak kerajaan tempatan dan kebangsaan telah menerima pakai LA 21 dalam bentuk tertentu, termasuk kerajaan tempatan di Malaysia. Komitmen rancangan/tindakan termasuk menangani kemiskinan, mengubah corak penggunaan, menggalakkan kesihatan, melindungi persekitaran rapuh, mengawal pencemaran dan mengukuhkan penglibatan dan pembuatan keputusan dalam komuniti tempatan (termasuk wanita, kanak-kanak, belia, orang kurang upaya dan kumpulan terpinggir).

**Outcome-Based Budgeting (OBB):** Kadang-kala dinamakan Bajet Prestasi, bertujuan meningkatkan keberkesanan dan kecekapan perbelanjaan awam dengan menghubungkan pembiayaan organisasi sektor awam kepada

keputusan yang mereka hasilkan. Ia menggunakan maklumat prestasi yang sistematisik (petunjuk outcome, output, input, aktiviti, pemantauan, kiraan kos, dan lain-lain) untuk membina hubungan ini. Kesan bajet prestasi boleh dirasakan dalam meningkatkan keutamaan dan oleh itu menyasarkan perbelanjaan, dan keberkesanan perkhidmatan yang lebih baik dan/ atau matlamat kecekapan dan perancangan GRPB boleh dengan mudah dimasukkan dalam *Outcome-Based Budgeting*.

**Outcome:** Ditakrifkan sebagai ‘sesuatu yang berlaku akibat daripada aktiviti atau proses’. Dalam perancangan strategik dan terma OBB, ‘outcome’ adalah matlamat/ perubahan besar ada yang disasarkan sebagai hasil kerja kita.

**Output:** Ini adalah produk yang lebih ketara, perkhidmatan atau kemudahan yang dihasilkan melalui kerja kita, dan biasanya boleh diukur. Ia akan membantu membawa kepada ‘outcome’. Sebagai contoh, program memberdaya wanita tempatan mungkin meliputi 60 wanita muda, menyediakan 300 jam latihan kemahiran, dan membolehkan 15 wanita mendapat pekerjaan sepenuh masa. ‘Outcome’ daripada *output* ini mungkin membawa kepada kesaksamaan gender dan keadilan sosial.

**Partisipasi:** Matlamat dan proses di mana orang ramai terangkum dalam aktiviti, termasuk reka bentuk, perlaksanaan dan penilaian mana-mana inisiatif. Ia adalah salah satu daripada prinsip tadbir urus yang baik. Partisipasi membayangkan bahawa terdapat kelebihan melibatkan wanita dan lelaki dalam menjelaskan keperluan dan kepentingan mereka dan terlibat dalam mencari penyelesaian. Partisipasi mencabar sebarang amalan yang mengehadkan ‘orang ramai’ kepada penerima pasif dan dikecualikan daripada membuat keputusan termasuk keputusan bajet.

**Participatory Budgeting (PB):** Proses di mana wanita dan lelaki dari pelbagai latar belakang, lokasi dan pengalaman disertakan dalam penggubalan, kelulusan, perlaksanaan dan penilaian bajet. PB mengakui kelebihan ini, dan secara proaktif menggariskan langkah-langkah untuk mencapainya. Ia berkait rapat juga dengan tanggapan inklusif, akauntabiliti, ketelusan dan demokrasi.

**Patriarki:** Merujuk kepada keadaan di mana hubungan sosial mencerminkan penguasaan lelaki ke atas perempuan, dipamerkan dan berakar kukuh dalam keluarga dan institusi sosial. Patriarki melihat kuasa yang dipegang

oleh lelaki; wanita dinafi dan dikecualikan. Patriarki dalam kebudayaan tertentu dan dipengaruhi dengan perubahan hubungan sosio-ekonomi, jadi penerusan dan kelaziman patriarki ini boleh berubah mengikut masa dan lokasi. Feminisme mencabar amalan yang bersumberkan nilai patriarki.

**Jantina:** Merujuk perbezaan biologi antara lelaki dan wanita. Ini ‘tetap’ dan, tidak seperti gender, tidak berubah dari masa ke masa, mengikut negara atau budaya.

**Data mengikut pecahan jantina:** Merujuk kepada pengumpulan dan pengasingan statistik dan data (contohnya mengenai pendidikan, angka pekerjaan, pemilikan perniagaan, dan lain-lain) mengikut jantina untuk mengasingkan angka yang berbeza untuk lelaki dan wanita dan membuat perbandingan antara keduanya. Data ini menjelaskan, sebagai contoh, sektor masyarakat mana wanita dan lelaki bekerja, atau perkhidmatan apa yang mereka gunakan. Data ini adalah pra-syarat untuk perancangan yang inklusif gender.

**Keadilan sosial:** Keadilan dan kesaksamaan sebagai hak untuk semua dalam hasil pembangunan, melalui proses transformasi sosial.

**Perancangan Strategik:** Perancangan dengan memikirkan matlamat jangka panjang. Bagi kerajaan tempatan, matlamat jangka panjang ini sering dinyatakan dalam kenyataan Misi atau Visi, dan perancangan tahunan (untuk perancangan bajet contohnya) kemudian menjadi ‘langkah demi langkah’ secara berperingkat untuk mencapai wawasan yang lebih luas.

## BACAAN TAMBAHAN

---

Satu ulasan penting pengalaman GRPB yang merentasi rantau dan dunia telah datang dari Persidangan Serantau Asian di Pulau Pinang pada tahun 2013, iaitu:

Ng, Cecilia (Ed.), 2016: Gender Responsive and Participatory Budgeting: Imperatives for Equitable Public Expenditure. Springer Briefs in Environment, Security and Peace, 22

Pengalaman khusus inisiatif-inisiatif GRPB di Pulau Pinang telah digambarkan dalam:

Fernandez, Jacqueline Liza, 2015. 'GRB in Local Government: A Study of Majlis Perbandaran Seberang Perai.' AshEse Journal of Economics, London.  
Didapatkan semula dari: [http://www.ashese.co.uk/files/Fernandez\\_1.pdf](http://www.ashese.co.uk/files/Fernandez_1.pdf)

Satu penerbitan awal yang menetapkan GRB di Pulau Pinang adalah:

Lochhead, James; Ng, Cecilia; Durano, Marina; 2012, Penang.  
'Bajet Responsif Gender.' Didapatkan semula dari:  
<http://www.mpsp.gov.my/grpb/book.pdf>

Bahan-bahan tambahan berkaitan amalan lebih luas dan pengalaman GRB di Malaysia termasuk:

Asia Development Bank (ADB), 2013. 'Delivering Results and Gender: Promoting Women's Empowerment through Gender Responsive Budgeting.'  
Didapatkan semula dari: <http://goo.gl/DIXSwK>

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (PWKM), 2005, Kuala Lumpur. 'Manual on Gender Responsive Budgeting in Malaysia.'  
Didapatkan semula dari: <http://goo.gl/3feKd6>

Skop luas sumber dan bahan berkaitan GRB dan GRPB yang tersedia ditunjukkan oleh penyenaraian di laman web PWDC di <http://pwdc.org.my/resource/>

Untuk laman web utama yang diselenggarakan oleh Bangsa-Bangsa Bersatu, mengandungi berita terkini, makalah dan banyak lagi pautan berkaitan GRB, sila lihat <http://www.gender-budgets.org/>



Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang

## BERSAMA MEREALISASIKAN KESAKSAMAAN

**P**erbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC) adalah sebuah agensi yang dibiayai kerajaan negeri yang ditubuhkan pada Januari 2012. Sejak penubuhannya, PWDC telah memainkan peranan penting sebagai agensi utama yang berusaha ke arah mengarusperdanakan kesaksamaan gender, keterangkuman sosial dan tadbir urus yang baik dalam semua sektor di Pulau Pinang. PWDC mencapai semua ini dengan bekerjasama dengan rakan kongsi strategik untuk merancang dan melaksanakan projek-projek responsif gender, meningkatkan kesedaran awam tentang isu gender, dan membangunkan kapasiti dalam kalangan individu, organisasi dan masyarakat.

Sejak awal lagi, projek perdana PWDC ialah projek *Gender Responsive Budgeting* (GRB), kemudian ditukar nama kepada *Gender Responsive and Participatory Budgeting* yang menekankan sifat penyertaan rakyat dalam prosesnya. Inisiatif ini telah dijalankan dengan sokongan dan kerjasama kedua-dua Pihak Berkuasa Tempatan: Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Perbandaran Seberang Jaya (MPSP).

Dalam program GRPB, beberapa inisiatif khusus telah berjaya dirancang dan dilaksanakan termasuk inisiatif GRPB di PPR Ampangan, PPR Jalan Sungai, Kampung Sungai Chenaam, Taman Teluk Indah, Machang Bubok, Campbell Street Market, Projek Turnkey Sungai Pulau Pinang, Sungai Projek MBPP, Taman Tunku Seberang Jaya, Kejiranran Taman Kenari Sungai Ara, Perpustakaan Awam Taman Tun Sardon Gelugor. Kebanyakannya masih berjalan.

Pada masa yang sama PWDC aktif dalam melatih kakitangan kerajaan tempatan dalam gender, bajet dan proses GRPB. Lawatan pendedahan juga menyaksikan pegawai Majlis terpilih melawat projek di Jerman, India dan Indonesia. Memperlihatkan sumbangan inovatif yang penting dalam GRPB

Pulau Pinang, PWDC juga menjadi tuan rumah kepada Persidangan Serantau Asia mengenai "*Gender Responsive Budgeting Narratives: Transforming Institutions, Empowering Communities*" (Naratif Bajet Responsif Gender: Transformasi Institusi, Memberdaya Komuniti) pada Februari 2014.

Seterusnya peringkat penting dalam perlaksanaan GRPB di Pulau Pinang adalah penginstitusian. Jika kerajaan tempatan mampu menerima GRPB dalam perancangan, bajet dan pengaturcaraan, maka masa depan untuk tadbir urus yang responsif, partisipatori, cekap, inklusif akan menjadi bertambah baik, di mana kehidupan wanita dan lelaki di negeri kita akan dipertingkatkan. Manual ini adalah satu langkah ke arah ini.

Maklumat lanjut mengenai PWDC, hubungi:

PWDC

Tingkat 47, KOMTAR,  
10503 Pulau Pinang,  
Malaysia

Tel: +604-261 2835 / 5261

Faks: +604-261 5261







## **GENDER RESPONSIVE AND PARTICIPATORY BUDGETING**

**[GRPB]** adalah tentang perubahan transformatif. Ia adalah inovatif, inklusif, dan menarik. Pulau Pinang, melalui komitmen Kerajaan Negeri dan kedua-dua PBT (MBPP dan MPSP), telah merintis jalan untuk menerima pakai dan melaksanakan GRPB dengan jayanya. Perancangan dan proses bajet kini melibatkan wanita, lelaki dan kanak-kanak dari komuniti di seluruh negeri ini, dan menggalakkan identifikasi tempatan berkenaan ‘keperluan yang berbeza untuk kelompok yang berlainan’. Hal yang paling penting, GRPB menyokong pencarian penyelesaian berdasarkan keperluan melalui penyertaan komuniti tempatan dan perkongsian kreatif dengan kerajaan tempatan dan agensi-agensinya.




Manual ini menggariskan langkah-langkah yang terlibat dalam merealisasikan GRPB dalam kerajaan tempatan, dengan melibatkan masyarakat dan mengintegrasikan GRPB dalam struktur dan proses kerajaan tempatan.

Ia berdasarkan pengalaman Pulau Pinang dan merupakan sebahagian daripada ‘penginstitusian’ GRPB yang sedang dilakukan oleh kerajaan negeri dan kerajaan tempatan Pulau Pinang.

Kami berharap anda akan mendapat manfaat dari manual ini.

ISBN 978-967-11100-5-8



9 789671 110058